



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2345]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2345]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2346]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
(Peruntukan Khas) [Ruangan 2373]**

**Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) (No. 2)
[Ruangan 2402]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

- Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 12hb Januari, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUAPERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

“11hb Januari, 1978

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya :

- (1) Rang Undang-undang Insuran (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Odit (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Lembaga Kema-juan Kelantan Selatan; dan
- (4) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) (Pindaan).

*Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Rakyat*”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya

Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini. Rang Undang-undang tersebut adalah seperti di bawah ini :

- (1) Rang Undang-undang Insuran (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Odit (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Lembaga Kema-juan Kelantan Selatan; dan
- (4) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEGAWAI EXPATRIATE

1. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan berkaitan dengan dasar Kerajaan supaya warganegara-warganegara yang mempunyai kelayakan mengambilalih jawatan non-professional yang mana masih dipegang oleh pegawai-pegawai dari luar negeri (Expatriate) dan sepatutnya perkara ini telahpun diatasi keseluruhannya pada tahun 1975 yang lalu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa warganegara-warganegara kita yang mempunyai cukup kelulusan dan kelayakan tidak dapat peluang untuk memegang jawatan tersebut. Jika sedar, mengapakah Kerajaan terlalu lemah dalam hal ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum dan boleh mengelirukan. Oleh itu, saya tidaklah dapat memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat ada mengetahui kes-kes yang

spesifik silalah kemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

Adalah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan supaya semua jawatan dalam perkhidmatan awam di negara ini tidak kira professional atau bukan professional diisi oleh warga-negara Malaysia. Dasar ini telahpun dilaksanakan dengan sempurnanya, kecuali bagi beberapa jawatan kontrek atau sementara yang tertentu sahaja seperti jawatan doktor dan jurutera yang terpaksa diisi oleh pegawai-pegawai dari luar negeri.

Dalam sektor swasta pula, pengambilan pegawai-pegawai asing (expatriate) samada professional atau bukan professional adalah dijalankan mengikut rancangan ataupun program yang telah dipersetujui di antara pihak Kerajaan dan pemodal asing yang ingin menanam modal di negara ini. Bilangan pegawai-pegawai asing yang dibenarkan untuk berkhidmat di satu-satu syarikat itu bergantung kepada besar modal yang dibawa masuk ataupun jenis perniagaan ataupun pengeluaran yang dirancangan. Di samping itu terdapat juga jawatan-jawatan penting yang tidak perlu diwarganegarakan demi untuk menjaga kepentingan pelaburan asing itu sendiri.

Kedudukan pegawai-pegawai asing pada keseluruhannya adalah sentiasa dalam perhatian Kerajaan dan dikaji dari masa ke semasa untuk menjamin adanya keseimbangan di antara kepentingan negara dan pertumbuhan ekonomi yang sihat di negara ini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa kemudahan-kemudahan yang diberi kepada pegawai-pegawai kanan warganegara Malaysia di sektor swasta tidak begitu memuaskan jika dibandingkan dengan apa yang diberi kepada pegawai-pegawai expatriate, tidak bolehkah Kerajaan membuat satu Undang-undang supaya pegawai-pegawai warganegara Malaysia yang memegang jawatan penting di satu-satu tempat mesti mendapat kemudahan-kemudahan seperti yang diberi kepada pegawai-pegawai expatriate dari luar negeri.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah membuat dasar yang adil dan saksama dalam masaalah ini, sekiranya Ahli Yang Berhormat

boleh membuktikan ada perkara-perkara seperti yang dinyatakan itu bolehlah lapurkan kes tersebut kepada Kerajaan untuk diambil tindakan dan langkah selanjutnya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentuh berkenaan dengan firma iaitu kilang-kilang tetapi saya menyentuh berkenaan dengan estet-estet, sudah 20 tahun kita merdeka masih lagi kita dapati orang-orang Inggeris, Amerika, Perancis, Spanish ada lagi bekerja atau bertugas sebagai Manager Estate tetapi setengah-setengah mereka di England, di Eropah atau di Amerika tidak tahu bagaimana buah getah itu. Oleh itu bolehkah atau tidak pekerjaan-pekerjaan ini dimalaysianisation dengan seberapa segera yang boleh sebab sudah 20 tahun kita merdeka.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha seperti itu memanglah diaturkan selepas sahaja kita mencapai kemerdekaan dan pada tahun 1966 ada sebuah Jawatankuasa khusus membuat kajian kedudukan ini. Dari tahun 1966 ke 1970 pendeknya kita ada satu perangkaan yang menentukan bahawa pegawai-pegawai expatriate ini dikurangkan dari semasa ke semasa dan dapat diganti dengan anak negeri yang berkebolehan ataupun diberi latihan bagi membolehkan mereka mengambil tempat, terutama sekali di ladang-ladang di dalam negara kita pada masa ini.

PASARAN GETAH/KELAPA SAWIT

2. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan berpuashati dengan pasaran dan harga atas barang-barang keluaran utama negeri ini khasnya getah dan kelapa sawit yang dibayar oleh negara-negara pengguna besar dan maju.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah berpuashati keseluruhannya dengan pasaran dan harga atas barang-barang keluaran utama.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Mengikut laporan daripada sebuah majallah baru-baru ini iaitu kadar eksport barang-barang mentah dari Malaysia ke Saudi Arabia adalah berjumlah US\$86 juta, tetapi kadar eksport daripada Singapura

berjumlah US\$1,440 juta. Bolehkah saya dapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri kalau kita merasa puashati mengapakah perbezaan yang besar ini berlaku kepada kita.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Bolehkah Ahli Yang Berhormat ulangkan angka-angka itu?

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Angka-angka ini ialah bagi tahun 1976.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengkaji angka-angka itu.

KILANG PENAPIS GULA

3. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- bilangan kilang penapis gula di Malaysia pada masa sekarang, bilangan yang dimiliki oleh Bumiputra dan bukan Bumiputra dengan memberikan angka-angka bagi tiap-tiap negeri;
- berapa bilangan pekerja-pekerja dalam setiap kilang dan adakah jumlah pengeluaran setiap bulan mencukupi keperluan negeri terutama sekali bagi negeri Kedah dan Perlis;
- samada ahli-ahli Lembaga Pengarah kilang tersebut terdiri daripada Bumiputra atau bukan Bumiputra; dan
- berapa banyak gula yang diekspotkan setiap tahun, samada pengekspotan tersebut menghasilkan keuntungan atau sebaliknya. Nyatakan juga samada Kementerian bercadang menambah lagi bilangan kilang penapis gula di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; jika ya, bila dan di negeri mana.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua,

- Di Malaysia hanya terdapat dua buah kilang penapis gula iaitu Malayan Sugar Manufacturing Co. Ltd. (MSM) di Prai dan Central Sugars Berhad (CSB) di

Shah Alam. Pemilikan saham di kedua-dua buah syarikat penapis gula tersebut adalah seperti berikut:

	Malayan Sugar Manufacturing Co. Ltd		Central Sugars Berhad	
	\$	%	\$	%
Bumiputra	8,213,724	22.6	159,196.80	1.4
Bukan Bumiputra ..	20,946,996	57.6	11,376,803.20	98.6
Asing.. .. .	7,199,280	19.8	—	—
	<u>36,360,000</u>	<u>100.0</u>	<u>11,536,000.00</u>	<u>100</u>

- Kedudukan terakhir pekerja di kedua-dua buah kilang penapis gula itu adalah seperti berikut:

	Malayan Sugar Manufacturing Co. Ltd		Central Sugars Berhad	
<i>Pekerja Sepenuh masa:</i>				
Bumiputra ..	210		112	
Bukan Bumiputra	297		192	
Lain-lain	3		—	
Rakyat Asing ..	1		—	
	<u>511</u>		<u>305</u>	
<i>Pekerja Sambilan:</i>				
Bumiputra ..	25		—	
Bukan Bumiputra	18		—	
	<u>43</u>		<u>—</u>	

Mengenai soalan samada jumlah pengeluaran setiap bulan kilang-kilang menapis gula mencukupi keperluan utamanya bagi negeri Kedah dan Perlis, sukalah saya menyatakan bahawa nisbah pengeluaran gula untuk memenuhi keperluan hendaklah dipandang dari segi seluruh Malaysia bukan sekadar bagi tiap-tiap negeri. Oleh yang demikian, keadaan samada jumlah pengeluaran kilang-kilang penapis gula boleh memenuhi keperluan gula di negeri Kedah dan Perlis tidak dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, keperluan gula bagi seluruh Malaysia dalam tahun 1977 adalah dianggarkan sebanyak 370,000 tan metrik. Sebahagian besar daripada keperluan ini adalah diimpot dari luar negeri. Pada masa ini jumlah pengeluaran gula daripada kilang-kilang tempatan telah meningkat dari 47,226 tan metrik dalam tahun 1975 kepada 66,606 tan metrik dalam tahun 1976. Bagi tahun 1977, jumlah pengeluaran tempatan adalah dijangka akan bertambah kepada 90,000 tan metrik dan

ini akan memenuhi sejumlah 24% daripada keperluan tempatan, manakala 76% lagi daripada keperluan negara didapatkan melalui sumber impot.

- (c) Komposisi Ahli-ahli Lembaga Pengarah di kedua-dua buah kilang penapis gula tersebut adalah seperti berikut:

	<i>Malayan Sugar Manufacturing Co. Ltd</i>	<i>Central Sugars Berhad</i>
Bumiputra	4 orang	2 orang
Bukan Bumiputra ..	5 orang	3 orang
Rakyat Asing ..	4 orang	—
	<u>13 orang</u>	<u>5 orang</u>

- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah gula pasir yang diekspot keluar negeri bagi tahun 1976 dan 1977 (sehingga bulan November) adalah seperti berikut:

1976 ... 29,110 metrik tan
1977 ... 34,671 metrik tan
(hingga November).

Mengenai soalan samada peng-ekspotan tersebut menghasilkan keuntungan atau tidak, adalah sukar bagi saya menentukannya. Bagaimanapun keuntungan dari eskpot bahan ini adalah tergantung kepada faktor-faktor berikut:

- (i) harga gula mentah di pasaran antarabangsa;
- (ii) harga kontrek yang dipersetujui antara pembeli-pembeli luar negeri dengan pengeluar-pengeluar yang mengekspot gula di negeri ini.

Memandangkan bahawa pasaran dalam negeri adalah terhad dan pengeluaran kilang-kilang gula di negeri ini adalah melebihi daripada keperluan negara, maka bekalan gula yang berlebihan itu terpaksa diekspot supaya keupayaan pengeluaran kilang-kilang penapis gula di negeri ini dapat digunakan sepenuhnya. Penubuhan kilang-kilang baru adalah bergantung kepada kedudukan industri berkenaan dari segi memenuhi keperluan negara di samping lain-lain pertimbangan ekonomi seperti kemungkinan (viability) kilang yang akan ditubuhkan itu. Dalam hubungan ini, satu kajian menyeluruh mengenai kedudukan industri gula (yang kini di dalam peringkat akhir) sedang dijalankan oleh Kerajaan dan hanya apabila

kajian ini diselesaikan baharu dapat dipastikan samada kilang-kilang penapis gula baru boleh ditubuhkan atau tidak.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan. Saya hendak bertanya dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan ada dua kilang penapis gula, betul atau tidak ada 3 kilang penapis gula oleh kerana Negri Sembilan juga meminta dan telah diluluskan atas perkara ini. Oleh sebab sugarcane yang hendak dijadikan gula putih tak cukup oleh kerana tebu tak ada maka terpaksa dibeli raw sugar atau gula merah, betul atau tidak Central Sugar dan juga Malayan Sugar di Prai ada mendapat quota untuk impot gula daripada Thailand dan saya dengar mereka menjual raw sugar ke negeri lain sebab gula yang didapati di dalam negeri ini mahal. Dengan sebab itu mereka menjual gula ini ke negeri lain untuk mendapat harga yang lebih lumayan. Itu yang pertama.

Yang kedua, di sini juga saya hendak bertanya berkenaan bahagian (c) betul atau tidak kalau diekspot gula mentah (raw sugar) daripada Malaysia ini tentulah harganya lebih mahal lagi sebab kita ada membuat satu agreement dengan Australia yang mana gula ini cukup mahal pada hari ini barangkali boleh diberitahu berapa harga satu tan gula di luar negeri samada di Cuba, di Jamaica ataupun di Taiwan, selain daripada Australia. Ini yang kita telah terikat oleh kerana pada masa itu memang payah hendak mendapat gula jadi kita membuat satu agreement bagi tempoh tiga tahun atau lima tahun maka dengan sebab itu kita terikat dengan harga gula yang begitu tinggi.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua,

bagi menjawab soalan pertama mengenai kilang penapis, sepanjang pengetahuan saya ada dua kilang penapis iaitu Malayan Sugars dan Central Sugar tetapi ada empat buah kilang-kilang gula bersatu (integrated sugar project) iaitu di Perlis, Kedah, Perak dan Negri Sembilan.

Bagi menjawab soalan yang kedua mengenai quota yang diberi kepada MSM dan juga Central Sugars yang mana quota ini digunakan bukan untuk menapis gula mentah tetapi untuk dijual luar negeri, boleh saya katakan di sini syarat-syarat untuk menggunakan quota ini mengikut perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Australia yang mana kita

terpaksa, mengikut perjanjian ini, membeli quantity tertentu dan oleh sebab harga daripada Australia ini kalau dibandingkan dengan harga gula antarabangsa pada masa sekarang boleh dikatakan terlampau tinggi, jadi Kementerian saya memberi sedikit sebanyak quota kepada MSM dan Central Sugars untuk membeli gula mengikut harga sekarang dengan pembekal-pembekal luar daripada Australia tetapi dengan syarat tidak boleh dijual dan tidak boleh diekspot keluar negeri lain tetapi digunakan untuk menapis sahaja. Soalan yang ketiga sebagaimana saya katakan tadi ada berkaitan dengan gula mentah dalam Perjanjian di antara Malaysia dengan Australia yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah sedia maklum pada masa sekarang kita akan mengkaji kedudukan Perjanjian ini dan memang benar harga yang ditawarkan oleh Australia itu terlampau tinggi kalau dibandingkan dengan gula-gula yang kita boleh membeli daripada negeri Filipina, Thailand atau Cuba.

Harga yang ditawarkan oleh Australia ialah AS\$273 satu tan metrik bersamaan M\$750 sampai M\$800 yang mana harga gula antarabangsa sekarang adalah dalam keadaan M\$450 sahaja.

Inilah satu masalaah yang Kementerian saya akan mengkaji samada kita hendak menerima tawaran ini supaya kita boleh meneruskan perjanjian ini atau tidak dan Kerajaan akan mengambil satu keputusan yang sewajarnya. Saya ingat di sini saya tidak dapat mengumumkan apa yang akan berlaku kelak.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kalau Central Sugars dan Malayan Sugars ini dibenarkan membeli gula mentah daripada Thailand, Cuba ataupun Filipina pada hari ini, apa pedulikan agreement dengan Australia, kita beli dua kati pun cukup daripada Australia untuk memenuhi agreement sebab quota telah diberi kepada Malayan Sugars dan Central Sugars.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, gula yang kita perolehi daripada Australia di bawah Perjanjian ini boleh dikatakan 85% daripada jumlah keperluan negara kita. Kita telah terikat dalam perjanjian ini sehingga tahun 1980, oleh itu kita telah boleh keluar daripada perjanjian ini melainkan kita pecah perjanjian. Oleh sebab harga gula dalam perjanjian ini tinggi, untuk mengawal harga

runcit gula di dalam negara kita, kita terpaksa benarkan sedikit sebanyak gula diekspot daripada pembekal-pembekal yang menawarkan harga kurang. Ini ialah tujuan kita memberi quota itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah gula mentah sebanyak 15% dibeli daripada luar negeri yang diberi kepada MSM dan juga Central Sugars itu masuk ke pelaburan kita dan diperiksa betul-betul oleh pihak Kastam bagi menentukan dia tidak menyeleweng daripada dasar yang kita masukkan gula ini ke dalam negeri ini.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu iaitu Central Sugars telah mendapatkan kelulusan untuk impot raw sugar daripada luar negeri bukan integrated sugar yang ada di empat buah integrated Sugar Mill yang dikatakan tadi.

Tuan Lew Sip Hon: Berkenaan dengan quota diberi kepada MSM atau Central Sugars, saya yakin dan berharap pihak Kastam akan memeriksa apa-apa statistik yang dipenuhi tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ada bukti yang menunjukkan gula ini dikeluarkan untuk diekspot bolehlah Kementerian saya menyiasat dan kita boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan syarikat gula Negri Sembilan itu memang ada diberi sedikit sebanyak quota sebab kos pengeluaran gula di syarikat gula Negri Sembilan terlampau tinggi tetapi ini cuma satu quota yang diberi secara luar biasa atas faktor-faktor yang boleh dikatakan terkecuali (bukan biasa) tetapi kita harap Integrated Sugar Mill yang kita ada di empat buah negeri kita ini boleh mengeluarkan gula mentah dan juga gula yang ditapis setanding dengan harga antarabangsa.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan dengan panjang lebar mengenai masalaah gula ini. Saya cuma hendak minta jawapan dengan ringkas sahaja. Pertama sekali oleh sebab perjanjian kita dengan Kerajaan Australia telah gagal, tidakkah boleh perjanjian ini kita pecahkan terus, kita tidak mahu beli gula dengan Australia.

Yang kedua, kita telah mendapat tawaran gula daripada Cuba dan Bangladesh, saya hendak tahu bagaimanakah perkembangan dari kedua-dua negara ini untuk mengimpot gula ke dalam negeri kita.

Yang ketiga, adakah atau tidak cita-cita Kerajaan hendak menurunkan harga gula yang sedang dipasarkan dalam negeri ini supaya dapat harga yang seimbang dengan negeri-negeri jiran.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mengenai memecahkan perjanjian, kita mesti kaji implikasinya apabila perjanjian ini dipecahkan. Khususnya ini ialah satu kontrak yang ditandatangani oleh Kerajaan bagi pihak Malaysia sungguhpun bukan dengan Kerajaan Australia tetapi sebuah syarikat yang terbesar (C.S.R.) di Queensland, Australia. Kalau kita terpaksa tidak menerima, yang mana sekarang sudah ada cadang-cadangan dalam perundingan, maknanya kita akan memecahkan perjanjian itu. Tetapi lepas kita pecahkan syarat-syarat perjanjian itu kita harus ingat langkah yang Australia akan ambil untuk membawa perkara ini kepada arbitration. Kalau keputusan yang dibuat oleh arbitrator tidak diterima barangkali akan dibawa pula ke mahkamah. Oleh itu, implikasinya mesti dikaji sebelum kita ambil tindakan seperti ini. Kalau kita telah bebas daripada ikatan ini bolehlah kita mengkaji tawaran yang diberi oleh Cuba, Bangladesh, Filipina, Thailand dan sebagainya.

Mengenai harga runcit gula, setakat ini Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah menstabilkan harganya dengan kadar 65 sen sekati. Ini adalah satu sebab yang Kerajaan telah mengkaji dengan telitinya tawaran daripada Australia yang mana kita akan membeli gula dari Australia selama tiga tahun lagi dengan harga yang tinggi dan harga runcit di negara kita ini terpaksa naik. Itupun setelah dikaji. Tujuan Kerajaan kita hendak menstabilkan harga gula seperti harga barang keperluan supaya boleh menurunkan kadar inflasi dalam negara kita ini. Maka dengan tujuan ini kita sekarang sedang mengkaji perjanjian di antara Malaysia dengan Australia.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan, saya mahu istiharkan interest saya iaitu saya seorang daripada directors dalam satu sugar industry. Adakah

benar harga raw sugar sekarang ini telah turun dalam pasaran dunia. Sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengatakan mengapa kita tidak menurunkan harga gula hari ini, adakah disebabkan kita terpaksa mengikut ikatan perjanjian beli gula daripada Queensland. Jika begitu, bagaimana pula negeri yang bersempadan dengan kita iaitu Siam yang menjual gula lebih murah daripada Malaysia sedangkan kita terpaksa membeli gula dengan harga yang mahal daripada Queensland.

Tuan Lew Sip Hon: Soalan Yang Berhormat tadi lebih kurang tidak ada bezanya dengan soalan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengenai harga gula di negara kita ini. Seperti saya jelaskan tadi sebanyak 85% daripada keperluan gula di negara kita ini datang daripada Australia di mana di bawah perjanjian ini kita telah terikat. Soalan yang penting sekarang ini bolehkah atau tidak Kerajaan keluar daripada perjanjian ini dengan implikasi yang tidak serius, itu adalah masalah yang penting. Saya berharap jika kita boleh beli gula daripada negara-negara lain yang sanggup menjual gula mengikut harga gula antarabangsa sekarang, kita boleh menurunkan harga runcit gula di dalam negara ini. Masalahnya sekarang ialah kita telah terikat.

PERSATUAN PELADANG

4. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan persatuan peladang yang ada sekarang semenjak ditubuhkan;
- (b) kejayaan yang telah dicapai oleh tiap-tiap persatuan ini; dan
- (c) samada persatuan ini mendapat keuntungan dan jika tidak siapakah yang mendapat keuntungan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, semenjak berkuatkuasa Akta Persatuan Peladang dalam tahun 1967 sebanyak 109 buah Persatuan Peladang di peringkat Kawasan, 9 buah Persatuan Peladang di peringkat Negeri dan sebuah Persatuan Peladang di peringkat Kebangsaan telah didaftarkan.

Berkenaan dengan kejayaan persatuan peladang di peringkat kawasan dan negeri pada keseluruhannya adalah memuaskan dan boleh diukur daripada segi pencapaian petani-petani di dalam keanggotaan gerakan persatuan peladang, pengumpulan modal dan saham dan harta-harta dan juga banyaknya perniagaan dan kegiatan yang dijalankan pada satu-satu tahun. Kedudukan pada keseluruhannya adalah seperti berikut:

Jumlah ahli-ahli ...	124,577 orang
Jumlah modal saham	\$2,920,652
Jumlah harta ...	\$15,825,636

Modal pusingan perniagaan pada satu-satu tahun ialah \$12,011,890.

Kejayaan yang dicapai oleh tiap-tiap persatuan peladang agak saya terlalu panjang untuk diuraikan satu persatu kerana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum jumlahnya 109 buah di kawasan, 9 buah di negeri dan sebuah di pusat, jumlah semua sekali 119 buah. Tetapi sebagai contoh bolehlah saya nyatakan di Dewan ini iaitu Persatuan Peladang Kebangsaan ataupun NARAS yang dianggotai oleh 9 buah Persatuan Peladang Negeri, pada akhir tahun 1976 ini telah mempunyai modal saham sebanyak 24,000 dan harta-harta berjumlah \$13,171,636 dan modal pusingan perniagaan berjumlah \$13,633,110 iaitu \$9,310,186 perniagaan tani dan \$4,322,924 perniagaan jentera pertanian.

Sebahagian besar daripada Persatuan-persatuan Peladang ini telah mendapat keuntungan yang baik. Keuntungan bagi tiap-tiap tahun adalah dibahagi-bahagikan mengikut syarat-syarat di dalam peraturan-peraturan dan Perlembagaan Persatuan Peladang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, bagi pihak Dewan ini berasa lega dengan keuntungan dan kegiatannya, saya cuma hendak tambah, adakah Kementerian ini membuat satu usaha bagi meluaskan persatuan peladang ini ke negeri Sarawak dan Sabah dan pada peringkat ini adakah atau tidak dibuatkan perbincangan dengan kedua-dua Kerajaan itu.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Sebenarnya, pihak Yang Berhormat Allahyarham Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad semasa hayatnya telahpun membuat lawatan

kedua-dua buah negeri ini untuk mendapatkan persetujuan daripada kedua-dua buah Kerajaan Negeri ini untuk menubuhkan persatuan-persatuan yang serupa ini dan sekarang sedang di dalam tindakan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya pun berasa lapang hati juga. Tetapi sungguh pun begitu saya hendak bertanya, begitu banyak duit disimpan, begitu banyak harta tetapi apa sebabnya sayur yang dipasar tidak dikeluarkan oleh Persatuan Peladang, cuma pucuk paku dan pucuk pakis yang dijual oleh orang-orang Melayu terutama peladang-peladang kita, apa sebabnya begitu, adakah tidak ada diberi semangat untuk menanam sayur atau pun jagung dan sebagainya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak sayur-sayur yang dikeluarkan oleh Persatuan Peladang tetapi malangnya soalan ini tidak bertanya apa jenis sayur yang dikeluarkan oleh Persatuan Peladang. Kalau ditanya, saya akan huraikan satu persatu jenis sayur yang dikeluarkan oleh Persatuan Peladang.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun terasa lega yang pada keseluruhannya Persatuan Peladang ini berjaya, tetapi saya suka bertanya daripada 109 buah di peringkat kawasan adakah yang tidak berjaya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Dalam banyak-banyak itu saya percaya ada yang tidak berjaya, tetapi tidak banyak, tetapi kebanyakannya adalah berjaya.

BELIA-BELIA MALAYSIA-KANADA DI SUBANG

5. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian mengetahui satu perkara sumbang telah berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, iaitu berpelok-pelokan, berkucup-kucupan antara belia-belia kita dengan belia-belia Kanada dalam lawatan mereka baru-baru ini. Apakah tindakan Kementerian supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi.

- (b) adakah pihak Kementerian memberi penerangan lanjut kepada Belia-belie Kanada yang datang ke sini dan Belia-belie kita ke Kanada mengenai tata susila ketimuran kita; dan
- (c) dari segi manakah untung rancangan pertukaran belia ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Kementerian yang berada di lapangan terbang antarabangsa Subang di masa ketibaan balik belia-belie kita dari Kanada, kejadian sumbang yang berlaku di lapangan terbang itu bukanlah dilakukan oleh kesemua belia-belie kita yang balik dari Kanada itu. Lagi pun tidak ada peristiwa berkucuk-kucupan seperti yang dikatakan berlaku. Apa yang berlaku ialah berpelok—bukan pula berpelok-pelokan (Ketawa)—semasa berpisah dengan rakan-rakan mereka dari Kanada. Peristiwa bolehlah dianggap sebagai nila setitik rosak susu sebelanga.

Sebenarnya, pihak Kementerian telah memberi penerangan dan ceramah melalui kursus orientasi sebelum belia-belie kita ini berlepas ke Kanada. Pegawai-pegawai Kementerian juga ditugaskan khas untuk berada bersama-sama mereka sebagai Ketua Kumpulan di masa berada di Kanada untuk mengingatkan mereka setiap masa supaya tidak melakukan perkara-perkara yang sumbang. Tetapi dalam pada itu pun kata orang-orang tua menjaga lembu atau kerbau sekandang mudah, tetapi untuk menjaga manusia bukanlah semudah itu. Bersabit daripada peristiwa ini saya telah meminta kerjasama Majlis Perunding Belia Negara untuk duduk dalam Jawatankuasa Penyiasat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ini sendiri bagi mengkaji segala aspek bukan sahaja rancangan pertukaran belia di Kanada ini tetapi juga pertukaran belia pada keseluruhannya.

(a) Kementerian memberi penerangan kepada belia-belie Kanada setibanya mereka di negara kita. Penerangan ini kemudian disusuli pula dengan satu kursus orientasi untuk belia-belie Kanada ini mengenai adat resam dan kebudayaan negara kita ini dan juga perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh mereka semasa berada dalam negara kita. Begitu juga halnya dengan belia-belie kita ke Kanada. Kementerian juga mengadakan kursus orientasi mengenai

perkara-perkara yang sama untuk menjadi panduan kepada mereka semasa berada di Kanada dan setelah kembali dari Kanada.

(b) Rancangan pertukaran belia ini disusun begitu cara supaya belia-belie kita dapat faedah seperti berikut:

Dalam menjalani rancangan ini di Kanada belia-belie kita dibahagikan kepada empat kumpulan,

- (a) Kumpulan pertanian.
- (b) Kumpulan koperasi.
- (c) Kumpulan khidmatan masyarakat.

Semasa mereka berada di Kanada mengikut kumpulan masing-masing, mereka ini ditempatkan di tempat-tempat kerja yang sesuai mengikut kumpulannya. Mereka menjalankan kerja-kerja itu ditempatkan dengan keluarga angkat dan menjalankan tugas-tugas di tempat-tempat kerja di samping tinggal di bawah jagaan dan pengawasan keluarga-keluarga angkat Kanada berkenaan. Keuntungan dan faedah yang diperolehi oleh belia-belie kita itu ialah memerhati dan mempelajari cara-cara teknik moden bagi menjalankan kerja-kerja mengikut jenis kumpulan-kumpulan di atas. Umpamanya, mereka bukan sahaja melihat dan memerhati tetapi juga mempraktikkan dari apa yang dilihat itu dalam kerja-kerja sehari-harian semasa mereka berada di Kanada. Harapan kita ialah supaya mereka ini dapat menggunakan pengalaman yang diperolehi itu bagi kebaikan dan petunjuk kepada persatuan-persatuan belia yang mereka pimpin bagi mengadakan projek-projek dalam bidang-bidang berkenaan dengan baik dan maju. Secara am rancangan pertukaran ini di samping meluaskan pandangan dan pengalaman belia-belie kita juga dapat menyumbangkan kepada usaha-usaha ke arah persefahaman antarabangsa bukan sahaja dengan belia-belie Kanada tetapi juga dengan belia-belie negara lain yang juga turut menghantar belia-belie mereka dalam rancangan pertukaran belia ini.

Puan Zawiyah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara berpelok-pelokan itu adakah satu tradisional kita Malaysia ini sebagai negara kita agama Islam ialah agama resmi dan tidakkah ini menjatuhkan maruah negara kita. Yang kedua, agaknya Yang Berhormat Menteri tidak begitu membaca akhbar, kerana saya sendiri telah melihat gambarnya walaupun saya tidak berada di lapangan terbang.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soal berpelok-pelok ini adalah menjadi satu persoalan dan menjadi lumrah alam baik lelaki sama lelaki seperti orang Arab, juga perempuan dengan perempuan dan lelaki dengan perempuan tetapi cara dan tempatnya sahaja berbeza. Soal di lapangan-terbang itu dibesar-besarkan di akhbar, gambar berpelok itu saya katakan bukan bercumbu—berpelok dan bercumbu ini lain. Pelok itu dia laga kepala sahaja (*Ketawa*). Dan suratkhbar pula memang itulah yang dicarinya, waktu saya menjadi wartawan dahulu juga memang mencari berita seumpama ini untuk melakukan suratkhbar. Jadi soal ini seperti saya katakan tadi cuma satu orang sahaja tidak lebih daripada itu dan di dalam suratkhbar mengatakan wanita Malaysia, tetapi sebenarnya lelaki Malaysia wanita Kanada. Jadi, pemuda kita di sini untunglah sedikit (*Ketawa*). Kalau kita kaji dari segi adat resam memanglah tidak baik pada pandangan umum lebih-lebih lagi kalau kita nilai dari segi pandangan ugama. Jadi, hal ini saya katakan tadi akan dikaji dengan semasak-masaknya dan sehalus-halusnya tetapi dalam pada itu saya katakan pada awal tadi memang sukar hendak menjaga manusia ini. Jadi kita harap apa yang berlaku itu adalah menjadi satu titik yang terakhir kepada negara kita dalam melakukan satu pertukaran belia ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa berbagai kursus sedang diadakan atas belia-belia kita bukan sahaja terkhas kepada belia Kanada termasuklah belia-belia yang lain. Saya ingin tanya apa pandangan Kementerian ini baharu-baharu ini seorang wanita kita dengan gelojohnya mencium dan berpelok dengan penyanyi daripada Indonesia, sebagaimana gambar yang ada di hadapan saya ini (Sambil menunjukkan gambar potongan akhbar)—Ini bukan berpelok lagi sudah cium. Apakah sikap dan pandangan Kementerian ini atas perbuatan wanita kita dengan keadaan ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Kementerian ini memang tidak baiklah. Saya juga sebagai orang tua memanglah memandang itu tidak baik. Tetapi itu bukanlah anjuran Kementerian, itu anjuran daripada pihak swasta yang sama sekali di luar pengetahuan Kementerian ini dan itu satu gambar sahaja

yang keluar, jadi kalau Yang Berhormat pergi ke Lake Garden siang-siang baik, malam baik lebih banyak dari itu, malangnya gambar tidak siap.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa dukacita Yang Berhormat Menteri mengatakan akhbar sahaja besarkan, tidak bolehlah belia tuduh begitu, sebab pihak akhbar tidak boleh jawab.

Yang keduanya, saya hendak bertanya kalaulah laki-laki berkucup sama laki-laki (*Ketawa*) apa pandangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebab orang-orang Arab dia berkucup antara laki-laki dengan laki-laki. Adakah ini masuk dalam sebahagian daripada homosexual dalam pandangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (*Ketawa*).

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sewaktu rombongan kebudayaan yang dianjurkan oleh Kementerian ini bertolak ke Kuwait pada tahun sudah perkara ini saya telah pesan betul-betul. Jadi saya bimbang sekiranya orang Arab biasanya melakukan kucupan di antara laki-laki dengan laki-laki, dan dua hari yang lalu saya baca suratkhbar dan tengok gambar dagu Arab dengan dagu Arab, janggut sama janggutnya dilagakannya, ini juga satu tradisi orang Arab. Apa yang saya bimbangkan dahulu waktu belia-belia kita ke Kuwait terutama sekali penari-penari kita yang jelita dikhuatiri kalau dipelok oleh orang Arab di lapangan-terbang dan juga lain-lain. Jadi ini saya sudah pesankan, jadi mudah-mudahan apa yang disangkakan oleh setengah pihak tidak berlaku. Dan ini satu hal yang baik dan menurut pandangan Kementerian ini kalau orang Arab itu cara berpelok sama laki-laki itu terserahlah kepada dialah, itu tradisi orang Arab, tetapi orang Melayu juga saya lihat ada juga berpelok-pelok antara laki-laki dengan laki-laki, terutama sekali orang kita yang baharu balik dari Mekah, dia katakan ambil berkat. Itu berlaku, itu terserahlah kepada mereka. Jadi, Kementerian tidak ada comment apa-apa.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Saya tidak kira kalau sekiranya pegawai kita atau pemuda kita atau pemuda-pemuda Arab berpelok atau berkucup di sana. Apa yang saya maksudkan dasar Kementerian Kebudayaan dalam negeri

kita jika sekiranya di Subang umpamanya, ada bercukup-kucupan di antara orang muda-muda sama dengan muda-muda, kitapun sama-sama faham, adakah ini kita boleh takrifkan sebahagian daripada homosexual. Itu yang saya tanya Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Dari segi kebudayaan, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak berapa manis, tetapi kalau dia hendak melakukan lelaki sama lelaki terserahkan kepada mereka. Kementerian tidak ada dasar lagi. (*Ketawa*)

PENGEDAR DADAH

6. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Undang-undang menyatakan oleh kerana masalah dadah sudah menjadi begitu berat dan besar di negara ini:

- (a) adakah suatu peruntukan Undang-undang menolak ikat jamin pada pengedar-pengedar dadah yang ditangkap dan penangkapannya dirahsiakan untuk membolehkan penyiasatan lanjut dijalankan. Jika belum dapatkah dibuat peruntukan Undang-undang sedemikian;
- (b) berapakah bilangan pengedar dadah yang masih menunggu untuk dibicarakan; dan
- (c) apa tindakan diambil terhadap rakyat Malaysia yang telah ditangkap di luar negeri kerana kegiatan penyeludupan dadah yang telah membawa imej yang buruk kepada negara ini.

Menteri Undang-undang (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) langkah telah diambil malahan selepas ini satu rang undang-undang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dalam mana ikatan jamin akan ditolak terhadap pengedar-pengedar dadah yang ditangkap dalam mana kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan boleh membawa kepada hukuman penjara 5 tahun ataupun lebih. Dalam undang-undang ini juga akan memperuntukan iaitu bagi mereka yang dipertuduhkan atas kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara selama lima tahun ataupun kurang, ikat jamin tidak akan diberi jika Pendakwa Raya

memperakui bahawa bukan bagi kepentingan orang ramai untuk membenarkan yang dituduh itu dijamin. Berhubung dengan merahsiakan penangkapan mereka yang terlibat dengan kesalahan dadah, ini tidak memerlukan undang-undang untuk melaksanakannya. Sesuatu tangkapan itu dirahsiakan kiranya kes tersebut memerlukan tindakan yang lebih lanjut lagi.

- (b) dari bulan Januari hingga bulan September, 1977, jumlah orang-orang yang ditangkap kerana kesalahan dadah ialah 4,497 orang. Kira-kira 20 peratus dari jumlah itu telah dibicarakan. Manakala bakinya itu sedang menunggu untuk dibicarakan atau dihantar ke pusat-pusat pemulihan. Perbicaraan kes-kes dadah adalah memakan masa yang agak lama kerana biasanya orang-orang yang dituduh itu mempunyai peguambela untuk kes-kes mereka.
- (c) dari segi undang-undang tidak ada tindakan yang dapat diambil terhadap rakyat Malaysia yang ditangkap di luar negeri kerana menyeludup dadah. Ini disebabkan kesalahan yang mereka lakukan itu adalah luar dari kuasa undang-undang Malaysia. Mereka telah dituduh dan dihukum di bawah undang-undang negara di mana mereka ditangkap. Walau bagaimanapun, gerak geri dan aktiviti mereka apabila balik ke Malaysia setelah menjalani hukuman di negara-negara berkenaan ialah sentiasa diawasi oleh pihak berkuasa negara ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Di antara pengedar-pengedar dadah yang telah ditangkap dan sedang menunggu perbicaraannya, saya difahamkan ada mereka itu yang dikehendaki oleh negara-negara lain juga, dan saya suka bertanya samada tindakan extradition proceedings ada dimajukan oleh negara-negara lain itu terhadap kita.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Memang ada terhadap pengedar-pengedar dadah yang didapati di sini dan langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian ataupun Peguam Negara untuk mengeluarkan orang ini sebagaimana yang dipohon oleh negara-negara lain.

PENUMPANG BAS MINI

7. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kerajaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengawal bas mini:

- (i) mengangkut penumpang-penumpang melebihi daripada had yang telah ditetapkan;
- (ii) penyimpangan dari jalan yang telah ditetapkan had;
- (iii) keadaan bas mini tidak memuaskan.

Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Dari segi undang-undang, bas mini memang tidak dibenarkan mengangkut penumpang-penumpang melebihi daripada had yang telah ditetapkan. Tindakan kuatkuasa adalah dijalankan oleh pihak polis dan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan dari semasa kesemasa. Pemandu-pemandu yang bersalah akan didenda atau digantung lesennya. Sementara itu saya ingin menasihati orang ramai supaya jangan menaiki bas mini yang telah penuh dengan penumpang yang ditetapkan. Jika berlaku kemalangan-kemalangan jalanraya, mereka mungkin tidak akan mendapat perlindungan insuran.
- (ii) Mengenai soal bas mini yang menyimpang dari laluan perjalanan yang telah dibenarkan, kesalahan ini mungkin dilakukan oleh setengah-setengah pemandu bas mini, terutama sekali di jalan-jalan di Ibu Kota. Mungkin perkara ini telah berlaku pada masa kurang sibuk di mana bilangan penumpang tidak begitu banyak. Bagaimanapun, pihak polis dan pegawai-pegawai penguatkuasa dari Jabatan Pengangkutan Jalan telah dan sedang melancarkan gerakan penguatkuasaan. Mana-mana pemandu yang didapati melakukan kesalahan tersebut akan didenda atau digantung lesennya. Selain daripada itu tindakan adalah diambil untuk mengarahkan bas-bas mini ini memaparkan dalam bas, peta jalan-jalan yang diikuti untuk membantu orang ramai. Sekiranya pemandu tidak mengikuti jalan seperti yang ditunjukkan di dalam peta jalan-jalan tersebut, penumpang bas berkenaan bolehlah membuat aduan.

(iii) Mengikut peraturan, bas mini adalah diperiksa tiap-tiap enam bulan sekali untuk memastikan keadaannya yang memuaskan apabila digunakan di jalanraya. Bas mini ini tidak akan dilesenkan jika sekiranya ia berada di dalam keadaan yang tidak memuaskan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah bahawa pada keseluruhannya keadaan perkhidmatan bas mini pada masa sekarang boleh dikatakan bertambah baik kalau dibandingkan dengan keadaan yang ada pada masa permulaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya boleh atau tidak dibuat peraturan apabila bas mini sudah cukup 24 orang penumpang dia mesti letak di depan basnya mengatakan sudah penuh, jadi orang lain tidak boleh masuk lagi.

Keduanya, adakah bas mini ini macam teksi, iaitu mana-mana tempat boleh diturunkan orang, jadi orang yang mengikuti dari belakang cukup merbahaya. Boleh atau tidak diadakan tempat-tempat yang boleh menurunkan dan mengambil passenger. Kalau tidak, huru-hara jalanraya. Boleh atau tidak dibuat peraturan secara teratur?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan mengambil perhatian cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

WANG PERTARUHAN DI HOSPITAL KERAJAAN

8. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan mengecualikan bayaran wang taruhan bagi ibu-ibu yang bersalin di hospital Kerajaan

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya pesakit-pesakit yang terdiri dari orang-orang awam, termasuklah ibu-ibu yang akan bersalin, dikehendaki membayar wang pertaruhan apabila dimasukkan ke wad kelas 1, kelas 2 atau kelas 3A. Pesakit-pesakit yang miskin adalah dimasukkan ke dalam wad-wad kelas 3B di mana bukan sahaja wang pertaruhan dikecualikan tetapi juga mereka dikecualikan dari semua bayaran.

Pengecualian-pengecualian daripada bayaran wang pertaruhan itu memang diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan, Anggota-anggota Polis dan Anggota-anggota Tentera, termasuklah ahli-ahli keluarga mereka serta beberapa golongan lagi yang disebutkan dalam Perintah-perintah Am Kerajaan, Perintah Bayaran (Perubatan) 1976 serta lain-lain surat kuasa yang berkaitan. Mereka hanyalah dikehendaki mengemukakan surat jaminan dari Ketua Jabatan masing-masing.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sekarang banyak perempuan-perempuan hamil yang takut hendak masuk ke hospital untuk bersalin oleh kerana dalam suratkhbar tiga hari dahulu ada mengatakan bidan-bidan menghisap darah dan juga makan temuni kanak-kanak kecil.

Saya hendak bertanya sudahkah perkara ini disiasat, perkara ini berlaku di Hospital Muar.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, semua aduan-aduan dan semua surat-surat yang diterbitkan dalam suratkhbar termasuk Rencana Lidah Pengarang disiasat dalam Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan diminta membuat laporan dengan serta-merta supaya butir-butir selanjutnya boleh diambil dan sekiranya perlu tindakan diambil untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohammad: Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan pesakit-pesakit samada perempuan-perempuan yang hendak bersalin dan sebagainya mengenakan bayaran pendahuluan terlebih dahulu tidakkah ini satu perkara yang menyusahkan orang ramai sedangkan pegawai-pegawai Kerajaan boleh diberi surat jaminan sahaja tetapi bagi rakyat jelata selain daripada mereka yang bekerja dengan Kerajaan dan mendapat layanan percuma, mereka itu ada maruah. Tetapi barangkali dia dengan isteri dia dalam perjalanan dan masa itu dia tidak mempunyai wang. Oleh itu, apakah ertinya kalau sekiranya isterinya hendak beranak terpaksa kena bayar wang pertaruhan (deposit) dahulu, kalau tidak dia tidak dibenarkan masuk wad itu dan kena masuk wad untuk orang-orang miskin. Saya fikir ini tidak kena, polisi Kerajaan mestilah menjamin tiap-tiap pesakit itu mendapat layanan yang sewajarnya. Tidakkah boleh

selepas dia masuk wad itu barulah pihak Kerajaan menuntut bayaran daripadanya. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Satu lagi, perkara ini telah berlaku kepada diri saya sendiri di Hospital Kuala Trengganu. Saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian bolehkah Ahli-ahli Dewan ini mendapat satu surat mengatakan dia atau anak isterinya kalau sakit boleh masuk wad Kelas Satu di mana-mana hospital. Apakala anak saya sakit di Hospital Kuala Trengganu pada bulan Disember yang lalu, apabila saya hendak masukkan anak saya itu pihak hospital minta surat jaminan. Di mana jaminan yang saya boleh dapat, kalau daripada Kuala Lumpur sedangkan saya duduk di Kuala Trengganu kalau hendak jaminan daripada Dewan Negara di mana saya boleh dapat, anak saya sedang sakit. Walau bagaimanapun, saya terpaksa pergi ke Dewan Undangan Negeri Trengganu minta pertolongan menjaminkan bahawa saya ini Ahli Dewan Negara. Saya telah tunjukkan kad pengenalan Ahli Dewan Negara tetapi kad itu tidak laku, pihak hospital minta jaminan lagi.

Oleh itu, saya hendak bertanya kepada Kementerian yang berkenaan adakah peraturan itu telah disampaikan kepada pihak hospital di Kuala Trengganu ataupun lain-lain hospital di Malaysia ini supaya Ahli-ahli Dewan Negara seperti kita di sini boleh masuk ke hospital dengan kad pengenalan Ahli Dewan Negara, dengan tidak payah lagi jaminan ataupun dia mesti dapat jaminan dahulu, terpaksa duduk dahulu menunggu jaminan itu baru boleh masuk hospital.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, masalah tentang wang pertaruhan dan juga wang bayaran apabila seseorang pesakit mendapat layanan ini adalah masalah yang rumit oleh kerana walaupun ada peraturan-peraturan yang tertentu yang disediakan tetapi saya mengakui bahawa ada kadangkalanya kerani-kerani ataupun kakitangan Kerajaan di hospital tidak menggunakan discretion mereka sendiri. Ini yang menjadi masalah, bukan salah peraturan ataupun salah pentadbiran tetapi discretion seseorang itu. Maklumlah, saya sendiri baru sahaja mengambilalih tugas-tugas di Kementerian Kesihatan ini semenjak seminggu yang lalu, tetapi saya akan mengkaji masalah ini, samada peraturan ini boleh diubahsuaikan atau tidak.

Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya fikir perkara ini patut dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Committee of Privileges) supaya Jawatankuasa tersebut atau Setiausaha Parlimen sendiri boleh memberitahu kepada Kementerian saya bahawa inilah surat jaminan ataupun Kad Pengenalan Ahli Parlimen itu boleh diakui sebagai tanda yang Ahli itu boleh mendapat kemudahan yang berkenaan. Berkenaan dengan perkara ini saya boleh berhubung dengan pihak Parlimen sendiri. Saya akan ambil ingatan dan akan berhubung dengan Parlimen secara pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga No. 14 adalah diberi di bawah ini).

PERUMAHAN KOS RENDAH— PERATURAN MENGAWASI PERMOHONAN

9. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang mengadakan suatu undang-undang di mana pemohon-pemohon untuk perumahan harga rendah Kerajaan akan dihadkan kepada mereka yang tidak mempunyai sebarang rumah untuk menghalang orang-orang yang berada daripada memiliki rumah-rumah seperti ini.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Michael Chen Wing Sum): Kementerian saya tidak bercadang mengadakan satu undang-undang khas bagi maksud yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu oleh kerana peraturan-peraturan pentadbiran yang diamalkan sekarang ini adalah mencukupi untuk mengawasi perkara tersebut.

PEGAWAI-PEGAWAI KEDUTAAN— HAK KEISTIMEWAAN

10. Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah beliau sedar ada pegawai-pegawai Kedutaan di dalam dan luar negeri mengambil kesempatan

hak kemudahan diplomatik supaya dibebaskan daripada cukai; jika ya, apa langkah sedang diatur supaya kejadian ini tidak berleluasa.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Hak keistimewaan diberi kepada pegawai-pegawai diplomatik Kedutaan untuk mengimpor barang-barang tanpa cukai dari masa ke semasa adalah mengikut peraturan antarabangsa. Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian supaya hak keistimewaan ini tidak disalahgunakan.

GURU BERPOLITIK/MENULIS RENCANA AKHBAR

11. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau terhadap guru-guru yang terlibat dalam politik; dan
- (b) Adakah guru-guru dibenarkan menulis rencana bagi catitan di dalam akhbar tanpa kelulusan dari Pengarah Pelajaran dan apakah akibat-akibatnya nanti.

Datuk Musa Hitam:

- (a) Bagi guru-guru yang terlibat dalam politik tanpa kebenaran Kementerian akan dikenakan tindakan tatatertib dan seterusnya mengarahkan mereka supaya meninggalkan kegiatan tersebut. Jika penglibatan mereka di dalam politik itu hanya sebagai ahli biasa sesebuah parti politik kebenaran boleh diberikan oleh Kementerian.
- (b) Guru-guru tidak boleh menerbitkan ataupun menulis apa-apa makalah atau lain-lain karya yang berdasarkan maklumat resmi untuk cetakan di akhbar-akhbar tanpa kebenaran Ketua Jabatan. Sekiranya terdapat guru-guru melanggar peraturan ini mereka bolehlah dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya.

PENGEDAR/PENYELUDUP DADAH

12. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penyeludup-penyeludup dan pengedar-pengedar dadah yang ditangkap dalam tahun 1977;
- (b) banyaknya dadah yang dirampas;

- (c) jumlah bilangan penyeludup-penyeludup dan pengedar-pengedar dadah yang telah dihukum mati atau penjara seumur hidup dalam tahun 1977; dan
- (d) jumlah bilangan penagih-penagih dadah yang ditangkap dan dihantar ke Pusat Pemulihan Dadah.

Menteri Undang-undang (Datuk Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):

- (a) Dari bulan Januari hingga bulan September 1977 seramai 4,497 orang telah ditangkap kerana menyeludup dan mengedar dadah-dadah berbahaya. Dari bilangan tersebut 28 orang adalah ditangkap kerana kesalahan menyeludup (trafficking). Ini bermakna 28 orang itu jika sabit kesalahan-kesalahan mereka boleh membawa kepada hukuman mati atau penjara seumur hidup serta disebat dengan rotan.
- (b) Dalam tempoh yang sama juga banyaknya dadah-dadah merbahaya yang dirampas adalah seperti berikut:
- | | |
|--------------------|----------------|
| (i) Candu mentah | 538.400 kg. |
| (ii) Candu masak | 80.220 kg. |
| (iii) Morfin | ... 91.420 kg. |
| (iv) Heroin | ... 70.270 kg. |
| (v) Ganja (kering) | 93.500 kg. |
| (vi) Ganja (pokok) | 2,733 pokok. |
- (c) Dalam tahun 1977 belum ada penyeludup yang dihukum mati. 7 orang dihukum penjara seumur hidup.
- (d) Jumlah penagih-penagih dadah yang dihantar ke Pusat Pemulihan Dadah bagi tempoh Januari hingga September, 1977 ialah 683 orang manakala jumlah penagih-penagih dadah yang dirawat di Hospital dan Penjara di seluruh negara ialah 3,763 orang.

PELABUR ASING MENGENAI IMIGRESEN

13. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa penanam-penanam modal asing masih lagi menghadapi masalah kelambatan dan kepayahan yang berpanjangan untuk memperolehi clearance imigresen bagi pegawai-pegawai mereka yang penting walaupun telah berulang-ulang kali diberi jaminan kepada mereka bahawa kelewatan seperti itu tidak akan berlaku.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Saya memang sedar bahawa para pelabur asing telah menghadapi beberapa masalah-masalah imigresen di dalam masa-masa kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, sukacita saya menyatakan bahawa ini akan di atasi di mana syarikat-syarikat berkenaan boleh mengemukakan keperluan-keperluan mereka mengenai jawatan-jawatan rakyat asing di dalam format-format tertentu bersama dengan permohonan-permohonan mereka bagi Lesen-lesen Pengilang kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP).

Semua permohonan-permohonan ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Tetap Pegawai-pegawai untuk Perwarganegaraan Dalam Perdagangan dan Perindustrian untuk keputusannya yang bersidang pada tiap-tiap minggu.

KILANG PERBADANAN KEMAJUAN GETAH MALAYSIA (MARDEC)

14. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilangan kilang MARDEC yang telah dibena di seluruh negara dan sejauh manakah kilang-kilang ini yang telah menerima sokongan dan bantuan Kerajaan telah mendapat keuntungan. Nyatakan perjalanan dan berapa untung dan rugi bagi tiap-tiap kilang.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) ditubuhkan pada tahun 1971 ianya telah membina sebanyak 16 buah kilang dan 15 darinya sedang berjalan pada masa ini. Adalah sukar bagi saya untuk menyatakan untung dan rugi bagi tiap-tiap kilang tetapi pada keseluruhannya 15 kilang yang ada pada masa ini telah pun membuat keuntungan operasi pada tahun 1977 dan telahpun mengurangkan kerugiannya pada tahun 1977. MARDEC masih lagi mengkonsolidasikan pentadbiran dan operasinya supaya ia akan dapat membuat lebih banyak keuntungan operasi pada masa akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PERUNTUKAN KHAS)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (11hb Januari, 1978)

3.38 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, menyambung hujah-hujah saya di dalam perbahasan Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas), 1977 saya telah mengatakan bahawa saya menyokong Bil yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Bil ini adalah perlu bagi pendapat saya supaya membolehkan Bank Kerjasama Rakyat ini menjalankan tugasnya semula dan mengemaskan pentadbirannya supaya kedudukan kewangan bank ini dapat dipulihkan semula. Menteri tersebut juga telah memberi jaminan kepada Dewan ini bahkan kepada orang ramai dan ahli-ahli saham bank ini bahawa bank ini adalah bertujuan seperti yang saya sebutkan tadi iaitu Bil ini adalah sementara sahaja, apabila pentadbiran dan perusahaan bank ini telah berjalan dengan licin maka tatkala itu Kerajaan akan memberi hak atau berjalan semula seperti yang ada sekarang ini.

Pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan sebanyak \$47.4 juta pada pendapat saya adalah cukup bagi mengatasi keadaan kesulitan kewangan bank ini untuk memulihkan balik perusahaan bank ini. Saya berharap juga kepada Kerajaan atau kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya jika dikehendaki diberi pinjaman kepada bank ini patutlah ditimbang semula sebab kononnya sebagaimana yang saya dapat tahu Bank Rakyat ini telah memohon kepada Kerajaan satu pinjaman sebanyak \$150 juta ataupun lebih daripada apa yang saya sebutkan tadi.

Dalam huraian Bil ini menyatakan Bank Kerjasama Rakyat didaftarkan di bawah Co-operative Societies Ordinance, 1948, dan pada

masa itu kita masih belum merdeka lagi. Saya fikir Ordinan ini sudah lapuk. Jikalau kita pergi di mana-mana tempat iaitu negeri yang dijajah oleh British dahulu mereka memakai Ordinan ini sebab semua negeri di dalam Komanwel memakai Ordinan ini. Kita tahu bahawa polisi dan kemajuan kita masih tidak luput dengan jalan yang di bawa oleh British, sekarang kita telah menghantar banyak pegawai-pegawai kita bukan sahaja ke negeri-negeri Komanwel tetapi menghantar ke Sweden, Germany dan Holland untuk mempelajari secara lebih mendalam lagi berkenaan dengan gerakan kemajuan koperatif. Oleh itu, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan patut mengkaji balik Ordinan yang telah lama kita ikut ini, mungkin Ordinan ini tidak dapat dijalani lagi oleh sebab kita sekarang menuju ke arah kemajuan dan pembangunan.

Yang Berhormat Menteri pada hari semalam telahpun memberi keterangan yang cukup memuaskan dan kita faham apa yang terjadi di dalam bank tersebut iaitu ini didaftarkan di bawah Co-operative Societies Ordinance, 1948 dan Bank Kerjasama Malaysia Berhad ini dengan ringkasnya dikenali (popular) sebagai Bank Rakyat dalam negara kita ini iaitu modalnya telah dibayar oleh lebih kurang 90% badan-badan koperasi dan juga ahli-ahli koperatif yang datangnya daripada desa dan juga bandar khasnya Koperasi Melayu. Samada perkara ini betul atau tidak, saya harap dapat dibuktikan. Koperasi Melayu ini ialah koperasi Perikanan, Koperasi Perumahan, Koperasi Kredit dan juga ada Koperasi Pinjam-meminjam dan Jimat-cermat dan Koperasi Guru-guru. Jadi 900 badan ini mewakili beratus ribu ahli-ahlinya seluruh Malaysia, oleh sebab itulah sudah bijak menggunakan nama Bank Rakyat meliputi rakyat sekalian khasnya rakyat bumi-putra.

Saya berpendapat tujuan diadakan Bank Rakyat ini adalah supaya semua koperatif di luar bandar dan di bandar yang mempunyai kegiatan masing-masing dapat keuntungan dan menanam modal serta membeli saham dalam Bank Rakyat ini dengan tujuan yang tinggi, iaitu asas galakan kemajuan koperatif supaya wang yang dihimpun ini dapat juga menolong koperatif-koperatif yang ada menjadi ahli-ahli dalam bank Kerjasama Rakyat ini.

Saya tahu dan mengaku di sini bahawa saya juga seorang daripada Ahli Koperasi Perumahan di Sungai Rokam, Ipoh yang ada membuat rancangan perumahan yang setanding dengan perusahaan perumahan yang lain-lain dan juga mendapat keuntungan yang baik dan mendapat pinjaman daripada Bank Rakyat ini sebab koperasi ini juga menjadi salah satu badan yang melabur, membeli saham dalam Bank Rakyat ini, dan juga ahli-ahli koperasi perseorangan membeli saham di dalam Bank Rakyat ini.

Semalam saya telah bangkitkan Akta Bank tidak termasuk dalam ini tetapi oleh sebab sudah masuk dalam Co-operative Societies Ordinance maka ia berjalan di atas undang-undang dan peraturan co-operative society. Orang yang bertanggungjawab ini ialah Pendaftar Besar selain daripada Menteri yang berkenaan. Samada saya betul atau tidak sila dibuktikan. Dan Pendaftar Besar ini ada veto power di atas semua pelaburan di dalam co-operative society atau Bank Rakyat ini. Dia ada veto power tetapi malangnya apabila saya dengar Senator Hajjah Salmah mengatakan pegawai-pegawai ini ada di dalam mesyuarat Jemaah Pengarah maka apabila hendak dibincangkan satu-satu projek yang akan dijalankan bank ini tidak memberi fikiran di dalam mesyuarat itu, bermakna kita tidak boleh menyalahkan kepada Pengarah-pengarah sahaja, tetapi yang bertanggungjawab sama ada Ketua Pendaftar atau Pendaftar Besar Syarikat Kerjasama.

Dalam Bil ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memasukkan di dalam Bil ini. Kuasa itu ditarik oleh Menteri melainkan Menteri berkuasa untuk meluluskan satu-satu perbelanjaan untuk pelaburan (investment). Jikalau society ini di bawah Co-operative Societies Ordinance ini yang mana rakyat telah mengharap ke atas bank itu tentulah perniagaan bank seperti juga perniagaan bank-bank yang ada di dalam negara kita. Tetapi hari ini baru saya sedar bahawa kuasa (activity) Bank Rakyat ini adalah limited, bukanlah seperti yang kita sangkakan iaitu seperti commercial bank. Cuma dia menerima wang untuk orang hendak deposit dan menentukan pembavaran faedah dan mengharapkan keuntungan daripada anak-anak syarikatnya dan juga perniagaannya, tetapi tidaklah berjalan seperti bank-bank lain dalam perusahaan harian iaitu mengeluarkan wang, menyimpan wang, mengeluarkan cek—ini tidak. Barulah ini saya faham. Maka dengan

itu, saya hairan mengapa Kerajaan tidak menimbangkan iaitu bank ini dijadikan bank perniagaan (commercial bank) supaya aktiviti luas.

Saya menyokong syor daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Husain yang meminta kepada Kerajaan supaya meluluskan permintaan bank ini supaya menjadi sebuah daripada bank perniagaan (commercial bank) di dalam negara ini. Jikalau begini seperti yang saya sebutkan tadi iaitu bank ini adalah limited untuk mengembangkan perusahaan perniagaannya, maka tentulah rakyat yang beratus-ratus ribu yang menjadi anggota daripada badan-badan koperasi yang membeli saham seperti modal di dalam bank ini berharap-harap supaya bank ini mendapat satu kemajuan yang diharapkan supaya mendapat keuntungan dapat menolong balik kepada orang-orang yang duduk di desa iaitu orang Melayu sebab modal ini datang daripada orang Melayu. Ini yang diharapkan oleh mereka itu.

Di sini saya juga melihat kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawasanya bank ini juga ada mempunyai asset yang banyak iaitu \$204.5 juta tetapi kita tidak mendengar berapakah kerugian yang sekarang telah dialami oleh Bank Rakyat ini dan dalam asset ini termasuklah lapan buah anak syarikat bank ini dan juga mempunyai tanah, bangunan dan harta-harta yang lain. Saya lihat di sini bank ini adalah limited powernya untuk menjalankan perusahaannya, serupa juga Tabung Haji, menerima wang, investkan wang orang itu dan memberi faedah, serupa juga. Tetapi tidaklah dikatakan bank walaupun istilah Tabung Haji itu terkenal di dalam Indonesia sebagai Bank Haji, sebab perusahaannya, pentadbirannya (administration), perjalanannya serupa dengan gaya bank. Tetapi powernya adalah limited, kuasanya untuk menjadi sebuah bank tidak ada, sebab tidak ada kelulusan daripada Kerajaan pertama sekali iaitu mendapat persetujuan daripada Bank Negara.

Saya juga suka bukan kepada Bank Rakyat sahaja kita tubuhkan, tetapi beberapa bank juga boleh kita tubuhkan di dalam negeri ini oleh sebab negeri kita banyak wang yang dalam circulation, tetapi malangnya saya dapati di sini iaitu jikalau satu-satu projek yang hendak dilaburkan atau satu-satu investment yang besar kenalah perkara ini diselidiki samada projek itu viable

atau tidak viable. Jadi yang menyelidiki perkara ini, yang menentukan viable atau tidak viable adalah kuasa Pendaftar Besarnya. Tetapi pembeli jikalau hendak jual tidak payah hendak dirujukkan perkara ini kepada Pendaftar Besar. Di mana silapnya sekarang? Siapa yang bertanggungjawab atas kerosakan, atas penyelewengan bank ini, siapa hendak disalahkan Director atau Pendaftar Besar. Ini soal yang saya hendak bertanya. Tetapi dalam Bil ini saya memuji Kerajaan kerana kuasa ini telah ditarik, sekarang dalam jagaan Menteri sendiri iaitu memberi kuasa had mana yang dapat dibenarkan Pendaftar Besar ini menjalankan kuasanya. Dahulu tidak ada. Maka tafsirannya jikalau tafsirannya adalah: ini baik, kita belanja \$30,000 atau \$30 million maka jikalau perkara ini tidak membawa kehasilan tentulah dia juga akan bertanggungjawab. Jikalau beginilah keadaannya dahulu, Bank ini patut dipimpin oleh pakar-pakar yang ada di dalam negara kita ini berkenaan dengan pelaburan. Di sini contohnya saya beri iaitu Tabung Haji. Kita ada Board of Directors tetapi atas Board of Directors itu ada Panel of Investment diketuai oleh Economic Adviser kepada Perdana Menteri iaitu Tan Sri Raja Mohar dan kita mengadakan wakil daripada Bank Negara iaitu Tan Sri Ismail Ali sendiri duduk dalam Board itu dan satu lagi wakil dari Persekutuan Bank-bank yang ada ini iaitu Tan Sri Tengku Razaleigh sendiri waktu dia menjadi Pengerusi Bank Bumiputra dan daripada badan-badan yang lain ada berkenaan dengan pakar-pakar berkenaan ekonomi. Jika bank ini kita harapkan kepada pengarah yang dilantik itu sahaja akan rosak. Sepatutnya dahulu mesti ada satu Panel of Investment yang ahlinya terdiri daripada orang-orang Kerajaan. Sekarang ini memang ada pegawai daripada Treasury dan daripada Jabatan Kerjasama (Co-operative) iaitu Pendaftar Besar. Jadi, jika Panel of Investment itu tidak bersetuju atas pendapat-pendapat directors atau Kerajaan yang membuat analysis samada viable atau tidak viable, jikalau tidak dapat kelulusan daripada Panel of Investment ini maka Board of Directors tidak berani melulusnya. Mengapa Kerajaan buat begitu? Satu ringgit dimasukkan dalam Tabung Haji jikalau rugi Kerajaan mengaku membayar balik. Tetapi tidak sedemikian dalam proses perniagaan Bank Rakyat ini. Tetapi boleh jika hendak dikembalikan iaitu selepas Bank Rakyat ini pulih semula dan Kerajaan bercadang memberi balik autonomous powers kepada mereka seperti sekarang. Tetapi hen-

daklah dengan satu condition apa yang saya buat berkenaan dengan investment, mestilah ada daripada pakar-pakar Kerajaan duduk di dalam, bukanlah semata-mata satu orang daripada Treasury, satu orang daripada Kementerian Kerjasama sahaja sudah cukup—tidak. Sebab Bank Rakyat ini adalah bank yang muda, kita tidak boleh harap dengan mudanya, tidak ada pimpinan. Inilah pendapat serta teguran saya dengan ikhlas supaya dapat Yang Berhormat Menteri mengkaji sedalam-dalamnya berkenaan hal ini. Dengan itu saya hendak betulkan sedikit kenyataan dalam suratkhbar. Saya tak bercakap menyokong Bank Pertanian. Jadi dalam suratkhbar dikatakan Bank Pertanian. Inipun saya tidak tahu, tanyalah Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin.

Jadi amaran tadi, saya bercakap dengan gopoh, barangkali kurang sempurna, tetapi tidaklah perlu *Hansard* pun hendak ditulis gopoh. Saya harap ucapan saya dalam *Hansard* dibetulkan, maklumlah kita bercakap impromptu.

Sekianlah sahaja, saya menyokong dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

4.03 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya mengambil bahagian sama dalam perbahasan mengenai Bil yang sedang kita bahaskan sekarang ini.

Pada dasarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pihak Kerajaan yang mengemukakan Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1977 yang bertujuan untuk membantu dan juga membetulkan kewangan dan pentadbirannya yang dikatakan berada di dalam krisis, keadaan yang membimbangkan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kalau tidak dibantu Bank ini akan bankrupt katanya. Saya sependapat, Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa orang rakan-rakan dalam Dewan ini yang telah berucap semalam bahawa peruntukan \$47.4 juta itu tidak mencukupi, sepatutnya diberi lebih daripada itu. Tetapi saya percaya kalau betul-betul pihak Kerajaan hendak menolong dan menaikkan

taraf kedudukan ekonomi bumiputra kita, maka dengan menambahkan lagi bantuan kewangan kepada Bank ini adalah suatu daripada cara memajukan dan menambahkan cepatnya lagi Dasar Ekonomi Baru bagi mencapai matlamatnya.

Pada pendapat saya mengenai perkara yang telah dibangkitkan semalam bahawa ramai di antara rakan-rakan sejawat saya telah meletakkan kesalahan-kesalahan itu semata-mata kepada pihak pengurusan dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang dahulu sahaja tanpa diletakkan sama kesalahan itu kepada pihak Kerajaan yang bertanggungjawab. Pada pendapat saya, kesilapan-kesilapan yang telah berlaku dalam pentadbiran Bank Rakyat di masa yang telah lalu itu tidak patut kita letakkan kepada pentadbiran atau pengurusan Bank yang telah lalu itu sahaja dengan tidak sedikitpun diletakkan tanggungjawab sama kepada Kementerian dan Jabatan-jabatan yang ada wakilnya dalam Lembaga Pengarah yang dahulu itu. Wakil-wakil dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan yang duduk dalam Lembaga Pengarah yang dahulu itu sudah tentulah turut sama bertanggungjawab, sebagaimana yang telah dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin. Jadi, saya telah tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad semalam bahawa Ahli-ahli Lembaga-lembaga Pengarah yang dahulu itu tidak mempunyai kelayakan, saya tidaklah mewakili Lembaga Pengarah, tetapi saya rasa dengan adanya wakil daripada pihak Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan sudah tentu mereka mempunyai kelayakan yang cukup bagi mewakili pihak Kerajaan dalam mempertanggungjawabkan pengurusan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah Bank itu. Dan oleh kerana menyedari kesilapan yang berlaku inilah maka menyebabkan pihak Kerajaan sendiri merasa perlu membentangkan Rang Undang-undang ini bagi membaiki keadaan yang berlaku dalam pengurusan Bank itu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Kerajaan menyedari keadaan ini, maka datanglah hasrat dan usaha-usaha Kerajaan membaiki dan membetulkan perjalanan Bank ini dengan membentangkan Rang Undang-undang ini. Atas kesedaran ini kita berterima kasih.

Di sini satu perkara lagi yang saya suka pihak Kerajaan mengkaji semula iaitu kedudukan dan hak ahli-ahli yang memegang saham dalam Bank ini yang mana selama ini mereka boleh ikut serta dan sama-sama bertanggungjawab dalam mesyuarat agung Bank ini, tetapi dalam Rang Undang-undang ini sepanjang yang saya perhatikan walaupun kuasa ahli-ahli bank itu ada untuk turut hadir dalam mesyuarat agung yang mungkin akan diadakan tetapi saya perhatikan Fasal 25 dalam Rang Undang-undang ini yang menyatakan sebagaimana berikut:

“BAHAGIAN VI

AM

Mesyuarat
Agong Bank.

25. Lembaga boleh pada bila-bila masa, jika difikirkannya menafaat, dan hendaklah, apabila diarah oleh Menteri, memanggil suatu mesyuarat agung Bank untuk menjalankan urusan yang berikut, iaitu:

- (a) menimbangakan akaun-akaun, kunci-kunci kira-kira dan laporan-laporan yang disebutkan dalam seksyen 24 (1);
- (b) menimbangakan apa-apa perkara lain yang dibawa oleh Lembaga; dan
- (c) menimbangakan apa-apa perkara lain yang ditentukan oleh Menteri.”

Jadi, urusan yang berikut itu ditentukan 3 cerai kecil iaitu menimbangakan akaun-akaun, kunci-kunci kira-kira dan laporan-laporan. Ertinya, harus disatukan masa membincangkan masalah-masalah berkaitan dengan kira-kira kewangan.

Saya bersetuju dengan fasal tersebut, cuma saya sangsi fasal ini lebih menggambarkan suatu kelemahan yang mana dapat diperhatikan Mesyuarat Agung Bank ini tidak semestinya diadakan sebagaimana lazimnya misalnya sebagai mesyuarat agong tahunan, cuma kalau difikirkan bermunafaat oleh Lembaga barulah diadakan. Kalau tidak ertinya tidak perlu diadakan. Dan dengan kelemahan-kelemahan seperti ini di manakah hak ahli Bank yang mempunyai saham yang menjadi tuan punya milik Bank ini kalau mereka tidak dibolehkan memberi teguran sekurang-kurangnya setahun sekali sebagaimana lazim.

Walaupun kita faham bahawa Rang Undang-undang ini hanya sementara tetapi sementara ini bolehkah pihak Kerajaan menjamin bahawa sementara ini tidak sampai setahun, tidak sampai dua tahun, tidak sampai tiga tahun, mungkin sampai empat lima tahun sehingga menunggu krisis kewangan ataupun pentadbirannya pulih seperti sedia kala mungkin memakan masa empat atau lima tahun. Kalau Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Kementerian di bawah Jadual Pertama itu maka kalau mereka berfikir tidak mustahak, berfikir tidak munafaat untuk mengadakan mesyuarat agung maka mereka tidak payah mengadakan mesyuarat agung sebab mengikut apa yang saya faham, kalau tidak betul, tolong betulkan nanti, segala kunci kira-kira dan penyata kewangan tidak disebutkan mesti dibawa dalam mesyuarat agung samada mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung khas untuk membincangkan segala penyata kewangan yang telah diodit oleh pihak Juru Odit Negara. Ini yang saya nampak kelemahan-kelemahan yang mungkin ada. Kalau benar seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kerajaan dapat mengulangkaji semula dan kalau perlu meminda pada satu masa yang segera. Saya percaya tidak menjadi niat Kerajaan untuk merampas hak ahli saham Bank ini dalam membuat teguran dan sebagainya dalam perjalanan kewangan Bank ini, tidak itu tujuan Kerajaan membawa Bil ini tetapi tujuannya untuk membetulkan kewangan dan tujuannya untuk membetulkan pentadbiran yang dikatakan telah disalahgunakan dan sebagainya. Tidaklah bertujuan untuk merampas hak bersuara daripada ahli-ahli atau tuanpunya Bank ini sendiri yang terdiri daripada koperatif-koperatif kita dan juga ahli-ahli perseorangan yang ada di merata Malaysia sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak mengambil masa panjang dalam perbahasan ini, cuma saya suka hendak membuat beberapa pengesyoran dalam usaha Kerajaan membetulkan perjalanan Bank ini pada masa depan terutama sekali saya syorkan supaya Bank Rakyat ini dibuka kepada rakyat umum supaya boleh mendapatkan kemudahan pinjaman bagi mereka melancarkan Rancangan Ekonomi mereka dengan tidak terhad kepada ahli-ahlinya sahaja seperti sekarang ini yang mana kalau tidak menjadi ahlinya tidak boleh mendapat pinjaman. Kalau pengesyoran saya ini sama

dengan apa yang disyorkan oleh saudara-saudara saya yang tadi bahawa hendaklah Bank Rakyat ini diberi kebenaran atau lesen sebagai menjadi commercial bank, maka bolehlah dikirakan cadangan saya ini sebagai satu cadangan sementara kalau tidak menjadi commercial bank ertinya memberi peluang kepada seluruh rakyat tidak kira samada dia ahli atau tidak supaya boleh meminjam sebagaimana Kerajaan beri kuasa kepada pihak MARA memberi pinjaman kepada rakyat demi untuk menolong menaikkan taraf ekonomi Bumiputra kita terutama petani dan nelayan.

Yang kedua, saya suka mengesyorkan supaya kadar faedah yang dikenakan kepada peminjam-peminjam oleh Bank ini dikurangkan daripada kadar bank-bank perniagaan seboleh-bolehnya seperti kadar pinjaman MARA kerana dasar Bank ini untuk menolong ahli-ahlinya sendiri.

Ketiga, saya suka mengesyorkan supaya pihak Bank ini mengadakan bantuan biasiswa kepada anak-anak ahli Bank ini sendiri terutama untuk melanjutkan pelajaran tinggi dalam bidang-bidang ekonomi dan pengurusan. Dan sekali lagi saya menyatakan sokongan saya pada dasarnya di atas Rang Undang-undang ini.

4.17 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan juga kepada Kementerian. Saya bagi pihak saya sendiri mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang telah dilantik menjadi Menteri penuh. Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Saya hendak bercakap dalam satu dua perkara sahaja.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap menumpukan berkenaan dengan wang, salahkan Menteri dan salahkan pengurusan Bank itu. Tuan Yang di-Pertua, satu-satu bank itu mestilah mempunyai Pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa dan Setiausaha. Jika sekiranya sesuatu kerja akan dijalankan maka tentulah orang-orang itu akan berunding dahulu, kemudian baharulah diambil keputusan muktamat. Pada hari ini, Bank ini telah diarahkan di bawah kuasa penuh Menteri. Bagi pihak saya, saya sukacita tetapi maklumlah Menteri ini kadang-kadang ke sana ke sini, mungkin berangkatli

orang yang hendak meminjam itu permohonannya mengambil masa sebulan boleh jadi setahun. Sebab itulah saya percaya bank-bank yang ada di Malaysia ini semua ada Pengarah dan lain-lain yang saya sebutkan tadi, tetapi mengapakah bank-bank yang ada itu tidak mengalami kerugian, hanya Bank Rakyat sahaja? Saya percaya, orang-orang yang dilantik oleh Kerajaan itu, sebagaimana sahabat saya mengatakan tadi, semuanya bijak pandai. Saya percaya orang yang dilantik itu ada yang bijak pandai tetapi manusia dalam dunia ini, bukan semuanya pandai. Kalau dia ada pelajaran, pengalaman tidak ada, kalau ada pengalaman, pendirian tidak ada, kalau ada pendirian, kebolehan tidak ada. Ini, empat syarat kepada manusia tidak boleh kita dicapai semuanya. Apa yang saya kehendaki sebagaimana telah kita lihat Bank Bumiputra yang dijalankan oleh beberapa Pengurus dan beberapa Ahli-ahli kita tahu telah untung berganda-ganda. Tetapi hari ini Bank Rakyat yang wangnya adalah datang daripada rakyat. Sekarang Kerajaan telah memberi akuan kalau Bank ini rugi Kerajaan akan ganti atau diberi balik wang kerugian itu. Saya berharap kepada Kementerian yang telah mengemukakan Bil ini kalau sekiranya Mesyuarat Agung Bank Rakyat yang akan datang ini hendak memilih lagi Pengarah-pengarahnya hendaklah dipilih orang-orang yang benar-benar boleh menjalankan kerja atau boleh mengeluarkan fikiran, janganlah pilih mereka yang hanya mementingkan diri sendiri sahaja, dapat kereta besar dan dapat membeli rumah, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka itu sudah dilantik menjadi Pengarah membanggakan diri pula mengatakan akulah seorang Pengarah Bank Rakyat. Ini semua kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita sudah dilantik menjadi Pengarah Bank atau Pengarah badan-badan yang lain oleh Kerajaan kita mestilah mencari ikhtiar bagaimana hendak memajukan negara kita ini dan bagaimana hendak membaiki nasib rakyat. Itu yang kita kehendaki. Janganlah sekali-kali kita menyalahkan Kerajaan, menyalahkan Menteri ataupun menyalahkan pegawai-pegawainya. Saya percaya bukan tidak ada pegawai-pegawai yang salah, misalnya, apabila kita masuk ke pejabat, mereka tidak endahkan kita, tetapi bukanlah semuanya begitu. Kalaulah Pengarah-pengarah ini tidak boleh menjalankan tugasnya, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

pilihlah orang lain untuk mengambil tempat itu supaya dapat menjalankan tugasnya dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana ucapan Yang Berhormat Menteri—kalau salah saya minta maaf—iaitu hendak memberi pinjaman kepada rakyat saya rasa sangat bangga dan sukacita mendengarnya, tetapi apakah yang telah berlaku sebaliknya itu. Apabila surat permohonan itu sampai ke bank tersebut, ada orang mengatakan, kalau simohon pinjaman itu tidak disukai surat permohonan itu diletakkan di bawah meja. Kalau kita talipon hendak bercakap dengan Menteri, katanya Menteri tidak ada. Kalau kita hendak bercakap dengan Pengarah, katanya Pengarah tidak ada. Perkara seperti ini mungkin rakyat lagi yang menderita. Kalau Kerajaan sungguh-sungguh hendak membaiki taraf hidup rakyat, pada masa akan datang pentadbiran mestilah diaga. Saya tengok, sebuah pejabat hari ini telah diubah dan dialih, berapa banyak orang yang telah menderita kerananya, tak usahlah disebut di mana pejabatnya.

Dahulu saya telah memberi ucapan-ucapan di dalam Dewan ini tetapi dinasihatkan tak usahlah bawa perkara-perkara ini ke dalam Dewan yang mulia ini lagi, tulislah atau talipon terus kepada Menteri yang berkenaan tetapi Yang Berhormat saudara-saudara saya tiga orang telah terkena kelmarin iaitu apabila mereka pergi ke pintu Yang Berhormat Menteri, setiausahanya sendiri tak membenarkan mereka masuk. Perkara ini hendaklah dibaiki. Kalau Senator-senator sendiri tidak dibenarkan masuk, apatah lagi rakyat biasa. Ini Yang Berhormat Menteri tidak tahu, dia ada di dalam biliknya; siapa yang tahu—hanya orang yang terkena sahaja yang tahu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri ini walaupun dia masih muda tuahnya sudah naik, saya harap janganlah tuah untuk dia seorang sahaja, berilah sedikit kepada rakyat yang kita kasihi. Pengarah itu hendaklah ditukarkan.

Inilah sahaja ucapan saya dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya bercakap secara ringkas.

4.26 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang baharu dan

juga saya ingin mengucapkan penghargaan saya kepada satu Rang Undang-undang yang dibentangkan ke dalam Dewan ini untuk memperbaiki keadaan dan kedudukan yang dinamakan Bank Rakyat.

Semalam kita telah dengar banyak pendapat-pendapat yang mengatakan; dan ada juga pendapat yang menuduh bahawa penghianatan telah berlaku di dalam Bank ini pada masa yang lalu. Pada hemat saya penghianatan bukannya berlaku di dalam mana-mana firma yang boleh membawa kepada kerugian tetapi penghianatan juga boleh berlaku di dalam firma-firma yang boleh membawa keuntungan. Jadi, kerugian tidak semestinya ada penghianatan dan keuntungan juga tidak semestinya tidak ada penghianatan. Saya rasa tidaklah begitu berfaedah kalau kita mencaci perkara-perkara yang telah berlaku tetapi adalah lebih berfaedah kita merenong ke hadapan yang mana dapat kita ambil yang baik menjadi tauladan dan yang salah dijadikan sempadan.

Kita semua sedar bahawa penubuhan Bank Rakyat ini adalah mempunyai satu dasar yang besar, satu dasar yang ingin memberi bantuan kepada keseluruhan rakyat. Keadaan syarikat-syarikat kerjasama pada masa yang lalu terumbang-ambing dengan tidak mempunyai satu badan untuk mengawasi syarikat-syarikat ini maka dengan sebab itulah lahirnya sebuah Bank yang dinamakan Bank Rakyat. Hasil daripada penubuhan bank ini tidak kurang faedah-faedah yang telah didapati oleh rakyat dan juga oleh bank-bank atau syarikat yang menyertai di dalam perkongsian Bank Rakyat yang ada sekarang ini. Walau bagaimanapun, saya rasa adalah satu perkara yang penting sekali iaitu di dalam perkara menjalankan sesebuah bank atau sesebuah firma, perkara yang besar sekali adalah bergantung kepada kakitangan yang mengendalikan syarikat-syarikat tersebut baik pun di peringkat bawah mahupun di peringkat atas. Saya rasa pengambilan kakitangan-kakitangan pada masa akan datang hendaklah diteliti dengan betul khususnya mereka yang mempunyai kuasa untuk memutuskan satu-satu masalah seperti mana yang telah disebutkan mengenai dengan pembelian atau mengenai investment kepada mana-mana syarikat yang lain. Saya berharap dengan penambahan wang ini, Bank Rakyat ini akan dapat memberi faedah yang besar kepada keseluruhan rakyat.

Baru-baru ini saya dapat tahu dengan jelas sebuah commercial bank telah memberi bantuan kepada penarik-penarik beca dan juga kepada penaja-penaja kecil. Saya rasa kalau Bank rakyat ini boleh menjalankan usaha-usaha ini tentulah akan dapat memberi faedah yang besar kepada rakyat. Begitu juga saya berharap bank ini pada masa akan datang dapat memainkan satu peranan yang penting di mana setengah-setengah peniaga yang tidak mempunyai tempat di dalam bank. Ada peniaga-peniaga kecil, penaja-penaja yang tidak mempunyai keupayaan atau tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh commercial bank. Maka hendaklah Bank Rakyat ini mengambil peranan menampung kekurangan-kekurangan yang terdapat di bank-bank yang lain. Saya dengan ini merasa yakin dan percaya bahawa pada masa akan datang Bank Rakyat ini walaupun saya sedar akan mengharungi berbagai-bagai masalah untuk memperbaiki kedudukannya tetapi saya berharap akan dapat dikendalikan dengan baik.

Satu lagi perkara yang akhir yang saya ingin mencadangkan kalau boleh hendaklah bank ini memikirkan satu cara yang tidak mengenakan faedah kepada peminjam-peminjam mengikut sepertimana yang telah dijalankan oleh bank-bank Islam yang lain. Kita boleh mengenakan syarat-syarat service charge atau sebagainya tetapi kalau boleh hendaklah kita mengelakkan daripada mengenakan interest yang tepat, atau dengan perkataan yang lain, dengan mengenakan riba. Jadi, saya berharap satu kaedah dapat difikir dan dapat ditimbang supaya perkara ini dapat menambahkan lagi, dapat mengembangkan lagi syiar Islam dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.58 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

4.58 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1977.

Sebelum saya bercakap, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah atas perlantikan Yang Berhormat Datuk Shariff Ahmad sebagai Menteri Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mempersoalkan berkenaan dengan Bank Rakyat ini tentulah kita semua maklum bahawa bank ini telah diusahakan 24 tahun lalu iaitu pada tahun 1954 yang mana usaha ini telah menimbulkan keadaan yang baik dari masa ke semasa dan ini kita patut mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa yang mula-mula menubuhkan bank ini.

Bank ini telah ditubuhkan dan pada mulanya cawangan bank ini hanya didapati di Sungai Petani, Alor Setar dan juga Kuala Lumpur dan selepas itu bank ini telah bergerak dari suatu masa suatu masa maka sampailah ke masa sekarang ini yang mana mempunyai sebanyak 18 cawangan.

Keadaan dan kedudukan bank ini telah merosot kewangannya dan timbul krisis kewangan mulai berlaku pada tahun 1973 yang mana kita semua maklum bahawa bank ini adalah menjadi harapan yang besar terutama sekali bagi bumiputra yang duduk di luar bandar yang membeli saham-saham bank ini dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan sedikit sebanyak dari suatu masa ke suatu masa. Kebanyakan penduduk-penduduk di luar bandar ini manakala hendak membeli tanah-tanah bendang dari suatu masa ke suatu masa tentulah tidak dapat membeli dengan wang perolehan yang dikumpulkan dari setahun ke setahun dengan \$500 atau \$1,000 maka dengan memasukkan saham-saham ke dalam bank ini dari setahun ke setahun boleh dikatakan dapat juga perolehan iaitu setahun \$50.00 atau \$100.00. Jadi kalaulah hendak membeli tanah bendang ataupun kebun-kebun tentulah tidak dapat. Walau macam manapun, Bank Rakyat ini banyak memberi pertolongan kepada rakyat di luar-luar bandar. Pada masa itu banyak rakyat dapat meminjam kepada bank ini untuk menebus atau membeli tanah. Maka dengan kerana itulah kita dapati bank ini berlainan daripada bank yang lain yang mana ahli sahamnya sehingga 27,000 orang yang ada di dalam bank ini. Jadi dengan keadaan krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1973 dan diambil perhatian yang berat oleh Kerajaan kepada bank ini, maka kita mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan wang sebanyak \$47.7 juta untuk memberi nyawa

dan nadi kembali kepada bank ini untuk bergerak dan memberi bantuan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan dapatlah bantuan itu diteruskan oleh Kerajaan agar pentadbiran bank ini seperti mana kita tahu yang di-kelolakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat memanglah berasa kecewa keadaan yang berlaku kepada bank ini manakala mendengar bahawa bank ini telahpun menghadapi krisis kewangan. Ada daripada setengah-setengahnya terpaksa keluar daripada menjadi ahli bank ini kerana takut tidak ada jaminan ataupun kehilangan sedikit sebanyak wang-wang yang dikumpulkan oleh mereka yang mengharapkan kepada bank ini. Dengan kerana itu, apa yang kita harapkan supaya bantuan Kerajaan dan kelolaan Kerajaan pada masa yang akan datang terhadap bank ini akan dapat memberi nadi baru dan dapat pula memberi bantuan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang telahpun membeli saham-saham bank ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita siasat berkenaan dengan bank ini tentulah setengah daripada setengahnya berasa hairan mengapa bank sebegini kukuh dan sebegini baik telah terjadi demikian. Tidak tahu di mana kita hendak salahkan kerana pengelolaan bank ini boleh dikatakan bukanlah orang yang tidak pandai bahkan pengurusnya juga terdiri daripada orang-orang yang pandai dan pentadbirannya pun pandai malahan diawasi oleh Kerajaan sendiri khususnya oleh Kementerian yang berkenaan. Tetapi bagaimanakah maka penyelewengan ke atas perkara ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal-soal ini patut pihak Kementerian mengawasi perkara-perkara yang berlaku ini supaya tidak akan berlaku pada masa yang akan datang dan mengawasi di dalam soal pengambilan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kebaikan bank ini pada masa yang akan datang tentulah lebih banyak perkara yang mesti diatasi khasnya oleh Menteri yang berkenaan. Kita tahu Yang Berhormat Menteri kita baharu sahaja memegang jawatan sebagai Menteri Pertanian yang bertanggungjawab mengawasi di dalam perkara bank ini. Baru-baru ini kita tahu juga bahawa satu kejadian kemarau telah berlaku di negeri Perlis dan Kedah yang mana Yang Berhormat Menteri telahpun mencari jalan untuk mengatasi masalah ini dengan tujuan memberi bantuan kepada

petani-petani untuk mengurangkan beban ini. Tetapi sekarang satu perkara pula timbul berkenaan dengan bank. Dan dua perkara ini sangat besar yang telah dipertanggungjawabkan kepada Yang Berhormat Menteri kita ini. Maka kita yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat Menteri akan dapat mengatasi masalah-masalah yang berlaku di dalam bank ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita harapkan terutama sekali Kerajaan menolong bank ini iaitu pinjaman yang telah diberikan itu diberikan masa untuk bank mengambil faedah-faedah dan dengan seberapa cepat yang mungkin memberi keuntungan kepada ahli-ahli yang telah membeli saham-saham di dalam bank ini, kerana di dalam bank ini kita memang faham boleh dikatakan 100% terdiri daripada kaum bumiputra yang menceburkan diri membeli saham-saham di dalam bank ini.

Tuan Yang di-Pertua, patut juga bagi pihak Kementerian ini memberi penerangan-penerangan yang luas kepada cawangan di seluruh Malaysia ini yang boleh dikatakan banyak ahli-ahli yang membeli saham setelah mendengar perkara yang berlaku ini menjadi salah faham. Dengan penerangan-penerangan yang akan diberi oleh Kementerian ini, maka kita percaya pemegang-pemegang saham ini akan mengetahui dengan jelas dan sudah tentu keadaan kedudukan saham-saham mereka akan dijamin oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran bank memanglah susah kerana kita memerlukan orang-orang yang mahir, orang-orang yang jujur dan orang-orang yang ada kepandaian bersangkut-paut dengan bank ini. Maka inilah yang kita berharap kepada Kementerian ini supaya dapat betul-betul memilih orang-orang yang ada berpengalaman di dalam usaha pentadbiran bank ini. Jikalau tidak tentulah keadaan-keadaan ini akan berulang dan berlaku sebagaimana yang sudah-sudah.

Kita sungguh sayang, kerana Bank Rakyat ini boleh dikatakan 100% ditadbirkan oleh bumiputra samada di Ibu Pejabat ataupun di cawangan-cawangannya. Maka keadaan tidak betul yang dilakukan oleh satu dua orang sahaja, nama baik kaum bumiputra di dalam pentadbiran bank ini telahpun terjejas. Tuan Yang di-Pertua, walau pun begitu kita berharap atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri, kita akan dapatlah mengkaji sehalus-halusnya dan meletakkan orang-orang untuk

mengurus samada mengurus pasaran bank, cawangan dan segala-galanya diawasi, diambil tindakan yang mana patut diadakan dan yang mana patut dibuang ataupun ditambah. Di dalam masaalah ini memanglah kaum bumiputra masih kekurangan, tetapi kita percaya tentulah kita boleh dapat orang sebagaimana yang dikehendaki untuk menadbirkan bank-bank ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah berkenaan dengan ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa seperti jawatankuasa-jawatankuasa bank, pengurus bank dan juga jawatankuasa yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri ini, janganlah banyak sangat diambil daripada Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk duduk di dalamnya yang tidak berpengetahuan di dalam masaalah-masaalah pentadbiran bank. Maka dengan keadaan yang sebeginilah selalunya keadaan ini berlaku dan di dalam pentadbiran bank ini juga tentulah kita berkehendakkan dua atau tiga orang yang duduk di dalamnya daripada kaum bumiputra yang mewakili daripada rakyat di luar bandar. Walaupun mereka ini kurang berpengetahuan di dalam soal ini, tetapi kalau ada seorang dua maka boleh juga memberi pendapat kepada orang-orang yang bijak pandai yang ada di dalam bank yang akan dilantik nanti.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit sebanyak pendapat saya mengenai Rang Undang-undang ini.

5.13 ptg.

Tuan Ali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Bank Kerjasama Malaysia Berhad (Peruntukan Khas). Sebelum itu, saya mengambil peluang ini juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Shariff Ahmad yang telah dilantik menjadi Menteri Pertanian. Saya berharap dengan gigihnya Yang Berhormat Datuk akan dapat menjalankan usaha-usaha untuk kebaikan petani-petani khususnya di luar-luar bandar pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telahpun memberi peruntukan sebanyak \$44.7 juta untuk dipinjamkan kepada bank ini. Saya berharap bukan itu sahaja bahkan sepatutnya lebih daripada \$150 juta kerana dengan bantuan inilah maka petani-petani di luar-luar bandar ini akan dapat menikmati perubahan pembangunan

masyarakat yang lebih baik lagi. Dalam masa yang telah lalu di dalam Lembaga Pengarah Bank ini ada terdiri daripada wakil-wakil Perbendaharaan dan juga wakil-wakil daripada Jabatan Pembangunan Koperasi sendiri. Tetapi sepatutnya dalam masa-masa ini perkara penyelewengan dan sebagainya yang telah disebutkan tidaklah berlaku, oleh sebab wakil-wakil ini mengikut pengetahuan saya tidaklah pegawai itu ditugaskan khas untuk mengikuti di dalam mana-mana mesyuarat atau sepanjang perjalanan bank ini terus menerus selalu bersilih ganti dan bertukar ganti. Kadang-kadang pegawai-pegawai yang baru datang tidak tahu-menahu keadaan yang sebenarnya berlaku dalam bank itu. Maka dengan sebab itulah kadang-kala perkara yang telah berlaku tidak dapat diikuti apabila disambungkan oleh pegawai-pegawai yang baru mengambil tugas. Jadi, kita berharap pada masa yang akan datang Kementerian ini patut mengambil satu perhatian supaya mana-mana badan-badan berkanun atau bank ini juga yang ada wakil-wakil Kerajaan biarlah wakil itu seorang yang ahli yang mengikut daripada alif, hingga sampai "nya". Dengan jalan ini sebarang pergerakan di dalam menjalankan pentadbiran dan sebagainya dapat diawasi dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian dalam urusan menjalankan Bank Rakyat ini iaitu kita terikat di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin perkara ini telah lapuk dan perkara ini telahpun dibincangkan oleh ANGKASA beberapa tahun yang lalu supaya Ordinan ini disemak semula dan sebaik-baiknya hendaklah disatukan di antara Ordinan yang ada di Semenanjung Tanah Melayu dengan Ordinan yang ada di Sabah dan Sarawak. Dengan jalan ini sahaja baru dapat kita menyesuaikan keadaan pentadbiran yang lebih licin dan lebih baik lagi dari satu masa ke satu masa sesuai dengan keadaan negara yang sedang membangun pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang telah lalu kita dapati Bank Rakyat ini telahpun mengenakan faedahnya yang sangat tinggi kalau hendak dibandingkan dengan bank-bank yang lain dengan memberi pinjaman terutama sekali kepada petani-petani ataupun kaum-kaum nelayan yang tinggal di luar-luar bandar. Dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat disemak semula mudah-

mudahan angka faedah yang diambil pada masa sekarang ini hendaklah dikurangkan seboleh-bolehnya. Masaalah yang selalu ditimbulkan di kampung-kampung di mana petani-petani kerdil, nelayan-nelayan kecil menjadi ahli-ahli bank ini ialah berkenaan dengan sangat susah untuk mendapat pinjaman, macam-macam alasan yang diberi oleh pegawai-pegawai daripada bank ini, tetapi pihak ahli-ahli sebaliknya, iaitu ahli-ahli yang mempunyai kedudukan yang baik, mereka ini dengan mudah mendapat pinjaman. Ini perlu diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan supaya ahli-ahli kerdil yang terdiri daripada petani-petani yang kurang pengalaman, bahawa cita-cita mereka, harapan mereka bank inilah satu satunya tempat bagi mereka membaiki keadaan nasib untuk menebus tanah dan sebagainya, tetapi kadang-kadang penyelewengan ada berlaku.

Kita berharap dalam masa Kerajaan mengambil alih bank ini, dan ini kita berharap sementara sahaja, dan pada masa hendak menyusun atau melantik Lembaga-lembaga Pengarah ini patutlah diselerakkan, artinya biarlah Lembaga Pengarah terdiri daripada bahagian-bahagian dalam negara kita, janganlah sekelompok daripada satu daerah sahaja kerana dengan inilah sahaja Lembaga Pengarah ini dapat menjadi sebagai wakil kepada tiap-tiap petani-petani, nelayan-nelayan yang menjadi ahli itu menyuarakan pendapat mereka dan akan dipertimbangkan di dalam mesyuarat Lembaga-lembaga Pengarah ini.

Akhir sekali, saya berharap kita tidak mahu lagi pisang berbuah dua kali. Kalau didapati segala Pegawai-pegawai Lembaga Pengarah dan sebagainya yang menyalahgunakan kuasa mereka dalam mentadbirkan bank ini pada masa yang akan datang, dan inilah harapan rakyat jelata, ahli-ahli bank ini di kampung-kampung, mereka ini hendaklah diambil tindakan segera. Dengan jalan ini barulah kita dapat memerhatikan bahawa rakyat akan dapat menyokong lagi bank yang mereka cinta sungguh-sungguhnya daripada beberapa puluh tahun yang telah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.24 ptg.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang

ini, tetapi di samping itu saya tumpang bertanya kepada Kementerian berkenaan, namakanya Undang-undang ini adalah undang-undang sementara sahaja, iaitu boleh dibubarkan apabila sampai masanya nanti. Apabila dibubarkan segala aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di dalam Undang-undang ini temansuhlah ianya dan balikkah seperti sedia kala perjalanan bank tersebut.

Dengan itu barangkali kiranya dapat, kalau tidak tidak mengapa, kerana saya rasa tentulah payah juga ramalannya, berapa lamakah yang dikatakan temporary ini dan jikalau ada dalam cita-cita Yang Berhormat Menteri itu pula berapa lamakah agaknya Undang-undang ini akan dijalankan untuk memulihkan Bank Rakyat ini. Saya perhatikan punca kewangannya yang sudah-sudah ini sangatlah mahal, maka dengan itu tentulah ragu juga bagaimanakah kita dapat menolong orang ataupun lebih-lebih lagi petani-petani yang patut kita tolong seperti ini dengan wang yang kita beli ataupun kita sewa dengan mahal untuk mereka itu mendapati pinjaman yang murah. Dengan itu barangkali kita mendapat keterangan adakah pertolongan Kerajaan ini diberi terus ataupun berhutang tanpa faedah.

Saya perhatikan di dalam Rang Undang-undang ini tidak dibenarkan membayar keuntungan (dividend) melainkan telah ada reserve. Saya perhatikan juga selain daripada berniaga, ada juga mempunyai harta dan apabila harta ini meningkat nilainya maka adakah pula peluang boleh dikeluarkan bonus issue bagi pemegang-pemegang saham ini oleh kerana jika tidak dapat untung, bonus issue apakala boleh dijual akan memberi faedah kepada orang yang berkehendakkan wang dengan secepat mungkin.

Di dalam Undang-undang ini, kemansuhan Undang-undang ini adalah semua sekali. Saya tidak berhajat suruh meminda Undang-undang ini bahkan patut diteruskan dengan seberapa segera, tetapi adakah boleh kemudian barangkali dipinda seperti tidak dibenarkan menolong anak-anak syarikat, sebabnya kita lebih maklum jika anak-anak syarikatnya sakit tentulah kalau meminjam ke tempat lain payah tetapi wang ada di kocek tidak boleh ditolong, bagaimanakah barangkali orang-orang ini nanti akan memulihkan anak-anak syarikat yang ada yang sepatut dan semestinya dipulihkan di masa hadapan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.27 ptg.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah orang yang penghabisan untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas), 1977.

Sebelum itu, saya sukalah menyampaikan ucapan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah diberi tanggungjawab yang maha berat di dalam Kementerian yang dipegang oleh Yang Berhormat Dato' Shariff. Kementerian ini adalah satu Kementerian yang menjadi inspirasi kepada rakyat untuk membangunkan rakyat yang mana negara kita telah mencapai kemerdekaan sejak 20 tahun yang lalu. Saya percaya dengan perlantikan Yang Berhormat Dato akan berubah dalam Kementerian ini khususnya Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

Kita telah mendengar daripada tiap-tiap seorang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah memperkatakan satu perkara yang telah menimbulkan kedudukan Bank Syarikat Kerjasama Berhad ini. Dengan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu rasa saya dapat Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab akan menganalisa strategi bank ini untuk memulihkan semula kepada kepercayaan yang telah diberi oleh tiap-tiap ahli syarikat ataupun ahli-ahli saham yang telah memberikan kepercayaan kepada bank ini. Kita mendengar bahawa bank ini adalah Bank Kerjasama Rakyat, rakyat yang datang daripada golongan susah yang boleh dikatakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang untuk hendak menyelaraskan Dasar Ekonomi Baru yang telah diwujudkan sejak tahun 1970, maka dengan adanya bank ini dapatlah mereka bersama-sama membantu dalam masalah Dasar Ekonomi Baru untuk menyeimbangkan kedudukan mereka di antara saudara-saudara kita yang telah lebih maju lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya Yang Berhormat Menteri kita yang bertanggungjawab dalam Kementerian ini, saya percaya dan yakin menjadi sejarah bahawa Ordinan Syarikat Kerjasama yang telah wujud sejak tahun 1948 itu akan diubahsuaikan atau dipergantikan dengan Ordinan Syarikat Kerjasama yang mana kita telah mencapai kemerdekaan 21 tahun yang lampau. Saya percaya dan mempunyai keyakinan penuh bahawa pegawai-pegawai

atau pakar-pakar dalam negara kita ini tidak kurang untuk membentuk atau membarui Ordinan Syarikat Kerjasama yang telah diwujudkan lebih kurang 30 tahun yang lampau. Dengan ordinar itulah rasa saya kebanyakan syarikat-syarikat kerjasama yang telah membuat kecurangan atau apa perkara yang telah timbul terutamanya di dalam syarikat-syarikat kerjasama yang telah kita tahu daripada satu masa ke satu masa.

Saya mengucapkan terima kasih atas perisytiharan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu telah membantu dengan peruntukan sebanyak \$47.4 juta untuk Kerajaan memulihkan semula kedudukan Syarikat Bank Kerjasama Rakyat ini. Dengan adanya peruntukan itu dapat memberikan sesuatu kepercayaan daripada ahli-ahli saham dan ahli-ahli syarikat yang telah memberikan kepercayaan mereka terhadap Bank Syarikat Kerjasama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan sebagaimana yang telah saya cakapkan tadi bahawa dengan tanggungjawab yang telah diberikan kepada Yang Berhormat Menteri di dalam tanggungjawab beliau terhadap Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama ini akan membuahkan sesuatu yang dinamis untuk kepentingan rakyat jelata terutamanya rakyat yang datangnya daripada luar bandar yang dikatakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang untuk mengharapkan sesuatu dalam negara yang telah mencapai kemerdekaan sejak 21 tahun yang lampau.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan menyokong penuh kepada Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

5.34 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Shariff Ahmad):

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyedari hakikat serta tujuan Kerajaan mengemukakan undang-undang ini dan saya sendiri sedar saya masuk ke Kementerian ini tidak sampai seminggu dan menyedari sangat kepada beban yang ada di bahu saya, tetapi dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat maka sokongan itu akan menjadi satu peransang dan kekuatan kepada saya untuk memikul beban yang saya rasa sangat berat ini.

Saya berjanji akan berbuat apa sahaja mengikut kuasa yang ada untuk memelihara kepentingan orang-orang bumiputra khasnya dan penyokong-penyokong bank ini amnya.

Kerajaan memang menyedari sangat bahawa kejatuhan Bank Rakyat bukan sahaja merupakan kehilangan serta kerugian harta pemegang-pemegang saham tetapi kepada saya menconteng arang di muka kaum bumiputra sendiri.

Langkah yang pertama dan berat bagi saya ialah untuk memupuk dan mewujudkan semula keyakinan pemegang-pemegang saham terhadap bank ini seperti yang telah disebutkan oleh ramai ahli-ahli tadi dan juga semalam. Saya akan menggunakan segala alat Kerajaan seperti radio dan TV untuk menerangkan kedudukan yang sebenar-benarnya. Saya juga akan mengarahkan bank ini sendiri untuk mengadakan ceramah-ceramah ataupun dialog dan sebagainya untuk mencapai objektif yang kita sama-sama harapkan itu.

Saya juga berharap pada seluruh Ahli Yang Berhormat akan dapat memberikan sedikit masa untuk menerangkan kepada orang ramai mengenai kedudukan bank ini yang sebenar-benarnya. Janganlah dianggarkan bahawa dengan lulusnya Rang Undang-undang ini maka kerja kita sudah tamat, tetapi anggaplah ianya sebagai permulaan jalan bagi kita semua untuk memulihkan kedudukan bank ini dan marilah kita membuat tekat seperti kata pepatah: Jangan pisang berbuah dua kali.

Saya tidak bercadang hendak menjawab secara detail dari segi implikasi kewangannya bukan kerana saya tidak ada butir-butirnya, tetapi jawapan-jawapan secara detail itu akan membuka semula kudis yang hampir-hampir semboh atau akan mengelirukan rakyat lagi, kerana saya anggap Rang Undang-undang ini sebagai satu instrument untuk membuang segala yang keroh dan mengambil yang jernih dari segi sejarah perjuangan dan perjalanan bank itu. Perkara yang sudah berlaku itu tidak dapat kita undurkan balik dan biarlah pihak mahkamah sahaja menentukan kedudukan yang sebenar-benarnya untuk membolehkan ahli-ahli sejarah membetulkan semula arus perjuangan bank ini.

Dalam pada itu pula, saya akan gagal dalam kewajipan saya jika tidak menyebut secara umum tegoran-tegoran Yang Berhormat

sekalian seperti dakwaan Senator Puan Hajjah Salmah yang mengatakan tidak perlu bagi Kerajaan mengambilalih Bank Rakyat, tetapi diberi bantuan secara senyap-senyap sahaja. Sebagai sebuah Kerajaan rakyat maka pihak Kerajaan bertanggungjawab untuk menjamin harta orang ramai kerana Kerajaan sudah meluluskan pinjaman seperti Yang Berhormat sedia maklum sebanyak \$47.4 juta dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat telah berjanji akan memberikan pinjaman lagi dan mungkin jumlahnya mencapai kepada beratus juta ringgit, maka ini jugalah yang diminta ataupun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Ini adalah satu commitment yang sangat besar. Kita tidak dapat bandingkan dengan bank swasta kerana kejatuhan sesebuah bank swasta hanya melibatkan beberapa orang pemegang sahamnya sahaja, tetapi Bank Rakyat ini adalah sebuah Bank Koperasi yang besar yang mempunyai pemegang saham seramai 23,350 ahli perseorangan dan 955 badan koperasi—kalau kita congak 955 badan koperasi ini maka ahlinya juga ramai dalam badan-badan ini.

Saya percaya Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah sebagai salah seorang ahli Lembaga Pengarah dapat memandang kedudukan dan mengikuti perjalanan bank itu dengan jelas dari kaca mata sendiri lebih-lebih lagi daripada saya kerana saya hanya terlibat dengan perkara ini seperti saya katakan tadi tidak sampai seminggu.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyentoh tentang nilai harta yang banyak dan tidak seharusnya membimbangkan. Soal nilai ini adalah satu perkara yang debatable. Pihak Kerajaan terpaksa mengambil penilaian yang diakui oleh Kerajaan. Misalnya, soal bangunan di Jalan Ampang yang disebutkan dalam Dewan ini. Kos pembinaan meliputi tanah dan bangunan. Bagi Bangunan Angkasaraya ialah sebanyak \$23 juta berbeza dengan angka \$22 juta yang diberikan oleh setengah-setengah pihak dan buah fikiran ini telah disiarkan dalam akhbar dengan penuh baru-baru ini iaitu Akhbar Watan dan juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat saudara saya Raja Datuk Nong Chik—tetapi dia tidak sebut figurenya. Nilai juta iaitu jauh bezanya dengan angka \$40 juta yang dibayangkan dalam article yang saya katakan tadi.

Tetapi saya tidak mengatakan angka itu diberi oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik. Saya sebutkan angka itu satu siaran full page dalam akhbar Watan baru-baru ini untuk clear up perkara ini dan banyak lagi, tetapi saya tak mahulah sebutkan kerana akan meruncingkan lagi keadaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa akaun tahunan Bank Rakyat yang terakhir yang telah diodit dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar Kooperasi ialah bagi tahun 1971 berakhir pada 31 haribulan Disember. Akaun-akaun Bank Rakyat selepas tahun 1971 belum lagi diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat mempersoalan asset Bank Rakyat yang banyak dan berlebihan dan dengan demikian mungkin Rang Undang-undang ini tidaklah diperlukan dibawa ke Dewan ini. Suka saya hendak memberikan contoh kedudukan asset dan tanggungan Bank ini pada akhir tahun 1975 iaitu liabilities (tanggungan) \$121,128,000 dan asset \$108,094,000. Ini bermakna kita kurang \$13,034,000. Ini pun angka yang kita dapat, tetapi saya rasa belum kita odit lagi. Banyak lagi yang saya boleh beri contoh dalam hal penilaian ini. Ada pada saya dokumen-dokumennya, tetapi memadailah setakat itu iaitu perbezaan nilai Kerajaan dengan nilai yang dibuat oleh Bank Rakyat besar bezanya tetapi seperti saya katakan tadi tak payahlah saya sebutkan panjang lebar perkara ini.

Saya ambil kunci kira-kira, 1975 kerana firma akauntan Tetuan Price Waterhouse & Co. yang telah dilantik pada bulan April, 1976 bagi membuat penyiasatan tentang kedudukan kewangan Bank Rakyat masih berjalan lagi dan akan selesai, agak saya tidak lama lagi. Itulah sebabnya saya ambil kunci kira-kira, 1975.

Ada Ahli Yang Berhormat menyebutkan dalam perbahasan kita pada hari ini yang tidak menyentuh kewangan tetapi saya suka juga hendak menjawab sedikit kepada Ahli Yang Berhormat Datuk Hussein Noordin yang menyatakan undang-undang kita ini sudah lama. Perkataan yang digunakannya “lapuk” dan meminta supaya kuasa Pendaftar Besar Syarikat Kerjasama tarik balik. Untuk makluman Dewan ini, Kementerian sedang menjalankan kajian bagi menggubal satu akta baru bagi kegiatan koperasi seluruh negara dan pindaan-pindaan dibuat kepada ordinan dari satu masa ke satu masa dan akan diperbetulkan jika diperlukan.

Berkenaan dengan soal kedua tadi, ada Fasal 3 (g), kuasa yang kita boleh gunakan dan saya akan cuba mengeksekusaiskan (exercise) kuasa itu.

Kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaakub yang mempersoalkan tentang hak pemilik-pemilik saham untuk menghadiri mesyuarat agung pada tiap-tiap tahun, mengikut keadaan yang ada pada masa ini tak mungkin kita adakan mesyuarat agung kerana akaun Bank Rakyat pada tahun 1972, 1973, 1974, 1975, 1976 dan 1977 belum lagi diodit dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.

Jadi apabila selesai ini kelak mengikut keadaan masanya, maka bolehlah bagi saya untuk menjalankannya. Begitu juga teguran Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin tadi meminta supaya kedua-dua Bank ini dibuka kepada orang ramai. Yang sebenarnya perkara ini ada terkandung di dalam Bil ini iaitu pada muka 9, Fasal 14 (1) (a) "memberi pinjaman kepada, dan menjadi penggerenti bagi apa-apa pinjaman wang kepada, seseorang samada ahli Bank atau tidak"; dan begitu juga 14 (2), jaminan untuk diadakan tetapi keutamaan adalah diberi "pada menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugasnya, Bank hendaklah memberi pertimbangan yang sungguh-sungguh terhadap matlamat utamanya untuk meninggikan taraf ekonomi ahli-ahlinya."

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Azizuddin bertanya berapa lamakah kuasa terhadap Akta ini akan berjalan. Kalau kita tengok pada Fasal 31 (1) dan (2) membekalkan kuasa kepada Menteri menetapkan iaitu apabila Menteri telah berpendapat bahawa krisis bank ini telah diselesaikan serta dapat dipulihkan kita bolehlah memansuhkan dan bagi saya yang diberi tanggungjawab di sini tidak akan memanjang atau melamakan hatta satu minit sekalipun daripada yang diperlukan untuk diserahkan kepada keadaan seperti biasa.

Kepada Ahli-ahli yang lain, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih atas kata perangsang mereka yang memberi semangat tinggi kepada saya untuk memikul beban yang maha besar ini. Syor-syor yang dikemukakan untuk dijadikan commercial bank, menghantar pegawai-pegawai kita ke luar negeri, perlantikan ahli-ahli Lembaga yang baru, perkara itu saya akan ambil ingatan yang sungguh-sungguh dan akan melaksanakan mana yang boleh apabila tiba masanya nanti.

Untuk sekarang ini tugas utama kita bersama saya sebutkan "kita", kerana hendak memulihkan kedudukan dan perjalanan Bank ini dahulu, seperti kita semua sedia maklum bahawa Bank Rakyat ini sudah menjadi satu issue yang sangat sensitif khususnya di kalangan orang-orang Melayu. Apa yang saya harap ialah supaya diberi kepercayaan kepada Kerajaan untuk memulihkan semula kedudukan Bank ini iaitu salah satu daripada lambang kaum Bumiputra untuk melalui arus dan ombak ekonomi negara sejajar dengan semangat Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk berusaha meletakkan kedudukan ekonomi orang Melayu seimbang dengan lain-lain kaum dalam negaranya sendiri. Saya suka mengulangi sekali lagi bahawa Bil ini ialah sebagai sementara waktu sahaja, untuk rekod Dewan ini, saya suka menyentuh Fasal 31 (1) mengandungi perbekalan bahawa, bila-bila masa Menteri mendapati tidak mustahak lagi bagi Akta ini berkuatkuasa, Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan boleh mengambil langkah untuk mengisytiharkan bahawa Akta ini tidak lagi berjalan kuatkuasanya.

Seperti saya katakan tadi jika amanah ini diserahkan kepada saya kepercayaan Kerajaan kepada saya, saya tidak akan lengah-lengah atau tidak akan melengahkan hatta seminit sekalipun daripada melaksanakan Undang-undang itu tetapi sebaliknya penyerahan atau pemulihan semula itu mestilah dengan kepuasan hati kita bersama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua untuk disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 15—

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit berkenaan Fasal 14 (1) (a). Fasal 14 (1) (a) dalam Rang Undang-undang ini

nampaknya ada satu peruntukan baru. Mungkin dari segi prinsip koperasi membenarkan Bank Kerjasama Rakyat ini meminjamkan bukan sahaja kepada ahli tetapi juga bukan ahli. Ini mungkin menjadi prinsip baru, saya tidak tahu samada ini boleh dianggap sebagai satu langkah pertama untuk dijadikan Bank ini satu Bank Commercial, itu saya tidak tahu apa muslihatnya. Tetapi kalau tidak salah saya, prinsip koperasi ialah terhadap ahlinya dan bukan kepada orang yang bukan ahlinya. Adalah satu perkara baru dan saya suka mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri tentang tujuan kita ujudkan dasar sebegitu rupa seperti yang terkandung dalam Fasal 14 (1) (a).

Saya sedar juga bahawa Undang-undang ini seperti yang disebutkan oleh Menteri tadi ialah buat sementara waktu. Ia boleh dimansuhkan apabila ditamatkan kuasanya mengikut Fasal 31 bila-bila didapati yang Bank Kerjasama ini telah pulih seperti sedia-kala. Saya takut kalau dalam Undang-undang tubuh Bank Rakyat ini dan juga di bawah Ordinan Koperasi tahun 1948 tiada kuasa diberi kepada Bank ini meminjamkan kepada orang yang bukan ahli. Mungkin itu menimbulkan kesulitan. Saya takut nanti kita terlupa atas perkara bahawa yang bukan ahli juga boleh meminjam, itu boleh dikatakan lebih daripada kuasanya. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Pengerusi, Fasal 14 (1) (a) ini memang perkara baru, tinggal lagi seperti Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin sebutkan tadi perbezaan antara konsep kerjasama dengan tujuan kita ini adalah sebagai satu persiapan. Jika kita mempunyai simpanan yang lebih (excess) jadi tidak ahli-ahli kita mengambil pinjaman itu maka membolehkan kita memasuki ke cawangan-cawangan yang lain untuk mendapatkan faedah. Ini bukanlah satu perkara yang boleh kita buat secara automatik kerana safe guardnya seperti saya terangkan kepada Yang Berhormat Senator tadi bahawa bab itu juga Fasal 14 (2) yang prioritinya kepada ahli-ahli kita, dan jika saving itu ada lebih, tiada ahli-ahli kita mengambilnya, maka membolehkan kita memberi kepada bukan ahli.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan tadi dan saya cuma

hendak membawa ke perhatian beliau kepada Fasal 31 (2) dan mungkin di sini tempatnya di mana kita boleh menyelamatkan kalau umpamanya ada pemberian atau pinjaman yang telah dibuat di bawah Fasal 14 maka kalau ada dibuat di bawah Fasal itu kepada orang-orang yang bukan ahli, mungkin semasa hendak dimansuhkan itu hendaklah kita berjaga-jaga, kerana rasa saya ada peruntukan di bawah Fasal 31 (2) di mana Menteri boleh menyediakan peruntukan-peruntukan berbangkit atau pengagihan atau dalam bahasa Inggerisnya consequential or transitional provision.

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16 hingga 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROFFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.03 p/mg.

Menteri Undang-undang (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan dengan secara ringkas latar belakang dan juga sebab-sebab Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi meminda Akta Profession Undang-undang, 1976. Saya mencadangkan supaya Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Sebagai yang kita maklum, pengganasan komunis berazam hendak berkuasa dalam negara kita yang dikasihi ini dengan secara kekerasan. Keganasan mereka telah berkemuncak dalam tahun 1973, 1974 dan 1975. Sebelum itu boleh dikatakan mereka hanya menumpu kegiatan mereka dalam hutan di tepi sempadan Thailand/Malaysia sahaja. Tetapi dalam tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 mereka dan rakan-rakan seperjuangan mereka anasir-anasir subversif telah mula menjalan keganasan yang

kejam di kampung-kampung dan juga di bandar-bandar. Mereka telah membunuh pemimpin-pemimpin masyarakat, pegawai-pegawai pasukan keselamatan, khasnya pegawai-pegawai Polis Cawangan Khas, Hatta kepada Ketua Polis Negara dan juga Ketua Polis Perak. Mereka telah mengebom Tugu Peringatan Negara iaitu satu lambang mengingatkan kejayaan kita di dalam menentang mereka dalam masa peperangan 12 tahun waktu kita mengadakan darurat dalam mana kita telah dapat menewaskan mereka. Bank-bank Perdagangan telah dirompak dengan menggunakan senjata api oleh samada betul-betul perompak ataupun penjahat-penjahat komunis yang bersenjata yang memerlukan wang bagi menjalankan kegiatan-kegiatan dakyah mereka dan sebagainya.

Pendek kata ketenteraman awam dan keselamatan negara telah terancam. Mereka yang mengguna senjata bermaharajalela kerana mereka sedar payah ditangkap oleh sebab orang awam tidak berani memberi maklumat apatah lagi memberi keterangan sebagai saksi di Mahkamah jika sekira mereka ditangkap dan dibicarakan di Mahkamah. Kalau segala keganasan ini dibiarkan oleh Kerajaan dengan tidak mengambil satu-satu langkah yang tegas untuk mengatasinya, rakyat jelata akan hilang kepercayaan kepada Kerajaan dan moral Ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita akan hilang. Bagi mengatasi masalah inilah Kerajaan terpaksa dengan segera menggunakan kuasa Undang-undang Dharurat dengan meluluskan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975 yang Ahli-ahli Yang Berhormat sudah maklum. Peraturan-peraturan ini telah mendapat bantahan hebat daripada Persatuan Peguam dalam tahun 1975 dan mereka mendesak Kerajaan supaya memansuhkan peraturan-peraturan perbicaraan itu atau meminda semua peruntukan yang difikirkan oleh Peguam tidak adil bagi pihak yang kena dakwa di dalam Mahkamah. Kerajaan telah membuat beberapa pindaan tetapi tidak semuanya sepertimana yang dituntut oleh Persatuan peguam itu.

Semenjak tahun 1975 hingga pertengahan tahun 1977 lebih kurang 60 kes Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.) telah dibicarakan oleh Hakim dengan dibela oleh peguam-peguam yang ditempah (retained) oleh pihak yang kena dakwa, atau dilantik (assigned) oleh Mahkamah. Suka saya nyatakan disini ada daripada orang-orang yang telah didakwa ini

dan dibicarakan kerana kesalahan memiliki senjata di bawah Undang-undang ini telah didapati tidak bersalah dan dibuang kes.

Ini menunjukkan bahawa tuduhan peguam-peguam terhadap Peraturan-peraturan perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 adalah kata mereka semata-mata menolong dan menyenangkan pihak pendakwa dalam perbicaraan, dan tidak memberi keadilan kepada yang dituduh.

Selain daripada itu misalnya pihak-pihak yang dituduh atau peguam mereka yang diberi kesempatan peluang menyoal saksi-saksi pihak polis walaupun bagi keselamatan saksi-saksi berkenaan boleh kalau difikirkan perlu dilindungi dari dilihat oleh pihak dituduh ataupun orang-orang lain. Perkara yang perlu diambil perhatian bahawa Hakim-hakim kita adalah terdiri daripada orang-orang yang cukup pengalaman dan bijak dalam Undang-undang, dan sekali-kali tidak akan menjatuhkan hukuman salah ke atas seseorang yang dituduh di bawah Undang-undang I.S.A. melainkan Hakim itu cukup berpuas hati akan kesalahan orang yang dituduh dari keterangan-keterangan yang dikemukakan kepadanya dan sebagaimana yang saya katakan tadi ada daripada 60 kes yang dibawa ke mahkamah ada pihak-pihak yang dituduh dilepaskan.

Perbicaraan di bawah Undang-undang ini telah berjalan dengan tiada bantahan lagi semenjak itu sehinggalah pada pertengahan tahun ini apabila seorang budak berumur 14 tahun telah dituduh di Mahkamah Pulau Pinang melakukan kesalahan membawa senjata di bawah Undang-undang mati. Peguambela dalam kes itu dan beberapa orang peguam lain di Pulau Pinang dan Perak telah menggunakan kes itu dan kes-kes I.S.A. yang lain melalui akhbar-akhbar untuk membantah dan mendesak Kerajaan supaya memansuhkan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975; atau meminda peruntukan-peruntukan yang melindungi keselamatan saksi-saksi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dengan galakan dan desakan daripada sebilangan kecil peguam-peguam yang berbetulan pula ahli-ahli politik yang aktif, telah dapat mempengaruhi sebilangan peguam-peguam lain untuk mengadakan mesyuarat khas Majlis Peguam di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh lebih kurang 200 orang daripada jumlah 1,800 orang Ahli-ahli Peguam Malaysia. Mesyuarat

itu telah meluluskan satu ketetapan menasihatkan semua peguam-peguam supaya jangan membela kes-kes I.S.A. yang dibicarakan secara ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (kes-kes Keselamatan), 1975. Akta ketetapan tersebut berhasil dengan beberapa orang peguam yang telah ditempa oleh orang yang dituduh bagi membela mereka dalam perbicaraan tersebut telah menarik diri dari menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut kehendak dan tanggungjawab profesyennya. Memandangkan hal ini tidaklah wajar bagi Kerajaan mendiamkan diri dan membiarkan orang-orang yang dituduh di bawah kes-kes yang hukumannya mati, sekiranya bersalah, tidak dibela dengan sewajarnya.

Kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat jelata yang memilihnya bukan kepada sebilangan kecil dari satu-satu Persatuan. Keselamatan negara dan ketenteraman awam adalah lebih penting dari segala-galanya. Tindakan memulau atau "boycott" kes-kes I.S.A. di Mahkamah oleh setengah-setengah peguam boleh disamakan dengan tindakan mogok oleh Kesatuan Pekerja-pekerja (Trade Unions). Sebilangan kecil peguam-peguam itu lupa iaitu dengan sebab adanya peraturan-peraturan baru semenjak tahun 1975, keganasan-keganasan dan pembunuhan oleh kominis atau agen-ajennya, dan kes rompak merompak menggunakan senjatapi sudah jauh berkurang. Negara kita telah bertambah aman.

Kes-kes menggunakan senjatapi telah kurang 50 peratus. Satu daripada sebab berkurangnya kes-kes ini ialah kerana saya percaya mereka takut kepada peruntukan-peruntukan di dalam peraturan-peraturan baru itu yang melindungi saksi-saksi. Mereka sedar iaitu kalau ditangkap, mereka akan tetap dibicarakan di bawah Peraturan baru ini.

Dengan sebab-sebab yang saya sebutkan itu Kerajaan berpendapat adalah wajar orang-orang yang di tuduh di bawah kesalahan I.S.A. dan diboikot oleh peguam-peguam diberi pertolongan dan bantuan peguam, walaupun adalah sah di sisi undang-undang sekiranya orang-orang yang dituduh itu dibicarakan tanpa peguambela. Yang demikian Kerajaan telah mengambil keputusan untuk meminda Akta Profesion Undang-undang, 1976, untuk membenarkan peguam-peguam asing dari luar negeri menjalankan praktis dalam negeri ini seperti juga peguam-peguam rakyat Malaysia dengan syarat mereka itu sanggup membela

kes-kes di bawah Undang-undang ini. Kebenaran ini cuma diberi sekiranya peguam-peguam tempatan masih enggan mengambil kes-kes di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri. Peguam-peguam tempatan janganlah pula menyalahkan Kerajaan merobohkan benteng yang selama ini didirikan untuk melindungi kepentingan dan faedah mereka kerana memang itulah dasar Kerajaan, matlamat Kerajaan, Kerajaan terpaksa mengambil langkah ini dengan tujuan supaya pihak-pihak yang didakwa di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri diberi kesempatan supaya dibela walaupun dari segi undang-undang maka mahkamah boleh terus membicarakan sesuatu kes itu tanpa yang didakwa itu mempunyai Peguambela dan saya berharap kuasa ini tidak akan terpaksa digunakan oleh Peguam Negara dan akan digunakan sepertimana yang telah saya katakan diatas jika sekiranya peguam-peguam tempatan masih enggan mengambil kes-kes di bawah Undang-undang I.S.A.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah latar belakang dan sebab-sebab Kerajaan mengadakan satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Profesion Undang-undang, 1976. Fasal 2 ialah untuk mengadakan Bahagian IIA baru dalam Akta yang membolehkan Peguam Negara mengeluarkan suatu perakuan masuk khas kepada mana-mana orang yang ada cukup berpengalaman undang-undang samada dari luar negeri ataupun orang luar tetapi sudah ada di dalam Malaysia. Seseorang yang memegang perakuan itu adalah berhak dengan membuat permohonan kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi di dalam kamar diterima menjadi seorang peguambela dan peguamcara dengan orang yang berkenaan itu memenuhi syarat-syarat tertentu umpamanya mereka telah menjalankan kerja sebagai peguam selama sekurang-kurang 7 tahun.

Perakuan yang dikeluarkan oleh Peguam Negara akan memberi hak kepada pemegangnya diterima masuk selama tempoh yang dinyatakan atau sebagaimana yang diperuntukan di dalam perakuan itu.

Kemasukan seseorang peguambela dan peguamcara di bawah Bahagian ini bolehlah dibaharui dari semasa ke samasa atas suatu Perakuan Membaharui yang dikeluarkan oleh Peguam Negara. Pembaharuan itu berkuatkuasa setelah dikemukakan Perakuan itu kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi. Pembaharuan itu boleh bagi sesuatu tempoh

yang ditetapkan atau yang tak ditetapkan bagaimana yang diperuntukan dalam Perakuan Pembaharuan itu.

Lain-lain peruntukan Bahagian ini adalah peruntukan berbangkit bagi menentukan yang peruntukan Bahagian ini berjalan dengan licinnya dan bagi membolehkan perkara ini dibuat, Peguam Negara diberi kuasa membuat perintah-perintah yang mana akan disiarkan di dalam warta.

Peruntukan-peruntukan di atas akan membolehkan orang-orang yang benar-benar berkelulusan undang-undang dan berpengalaman dari dalam atau luar Malaysia diterima masuk secara khusus sebagai peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara.

Fasal 3 Rang Undang-undang mengadakan suatu seksyen baru 46A di dalam Akta bagi memperuntukkan bahawa seseorang peguambela dan peguamcara adalah tak berkelayakan menjadi seorang ahli Majlis Peguam Malaysia atau Jawatankuasa Peguam Negeri atau mana-mana jawatankuasa badan-badan itu jika ia telah menjadi peguambela dan peguamcara kurang daripada tujuh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Fasal 3 dalam Rang Undang-undang itu ialah bagaimana saya terangkan dari awal ucapan saya tadi ialah, supaya Ahli-ahli Bar Council atau Bar Committee mestilah terdiri daripada peguam-peguam yang difikirkan cukup pengalaman, matang dan ada perasaan tanggungjawab. Adalah difikirkan pengalaman 7 tahun mencukupi.

Seksyen baru 46A (b) dan (c) pula adalah bertujuan menyekat ahli-ahli peguam yang aktif di dalam politik daripada menggunakan pengaruh dan pendirian politik didalam aktiviti-aktiviti Bar Council atau Bar Committee, kerana tugas-tugas badan-badan tersebut ialah menjaga kepentingan-kepentingan tugas-tugas dan perkara yang betul-betul berkaitan dengan profession peguam.

Fasal-fasal 4 dan 5 Rang Undang-undang mengadakan pindaan-pindaan yang mengadakan peruntukan bagi bertambahnya koram Mesyuarat Agung Majlis Peguam dan Jawatankuasa-jawatankuasa Peguam dan bagi suatu kehendak lebih suara suatu perlima daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi bagi perbincangan-perbincangan badan-badan itu. Tujuan pindaan ini ialah supaya apa-apa keputusan atau resolusi dibuat oleh Majlis

Peguam pada masa akan datang adalah datang dari hasrat dan suara yang lebih ramai, bukan dari suara bilangan yang amat kecil seperti yang berlaku sekarang ini. Dengan pindaan ini adalah diharapkan lebih ramai lagi peguam-peguam tempatan tampil ke hadapan hadir di Mesyuarat-mesyuarat Agungnya supaya apa-apa keputusan adalah betul-betul memcerminkan hasrat peguam-peguam tempatan dan bukan hasrat satu bilangan kecil yang membuat satu keputusan yang melibatkan dan merugikan semua peguam-peguam tempatan.

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan tentang cakap-cakap antara peguam-peguam yang menyatakan bahawa pemuluan ataupun "boycott" ini tidak akan terjadi sekiranya Peguam Negara sendiri meneliti kes-kes yang berkait dengan senjata api dan barang-barang letupan. Suka saya menyatakan di sini sebaik sahaja saya menjalankan tugas, saya sendiri selaku Peguam Negara akan meneliti kes-kes yang melibatkan senjatapi dan saya sendiri akan menentukan samada kes berkenaan dibawa ke Mahkamah di bawah Undang-undang I.S.A. ataupun di bawah Undang-undang yang lain. Saya percaya dengan adanya perakuan ini, peguam-peguam akan tampil ke hadapan untuk membela kes-kes di bawah I.S.A. dan dengan itu tidak perlu lagi bagi Peguam Negara menggunakan kuasanya di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengingatkan iaitu Kerajaan yang diberi kuasa dan mandat oleh rakyat negara ini akan tidak teragak-agak mengambil apa juga langkah atau tindakan yang perlu dengan mengadakan undang-undang baru atau meminda mana-mana undang-undang sekiranya keadaan negara dan keselamatan negara memerlukan kita berbuat demikian. Kepentingan orang awam dan kepentingan negara dari segi keselamatan adalah perkara yang menjadi pertimbangan utama bagi kita, kerana kalaulah keselamatan terancam dan negara yang kita kasih jatuh ke tangan anasir subversif yang merancang merampas kuasa sekarang ini dengan cara kekerasan maka saya bimbang segala-galanya yang kita hargai sekarang, demokrasi dan keutuhan undang-undang akan lenyap dari bumi negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya mohon Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Profesyen Undang-undang, 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.22 ptg.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah besar daripada peguam-peguam tidak berpuas hati tentang pindaan yang sekarang dibentangkan di Parlimen. Ini adalah disebabkan bahawa Majlis Peguam telah tidak diminta memberi pandangan sebelum Rang Undang-undang tersebut dirangka dan dibentangkan. Rang Undang-undang yang sekarang dibahaskan oleh kerana sedikit sebanyak Rang Undang-undang tersebut yang menyentuh profesyen mereka.

Adalah perlu diingatkan bahawa sebelum Akta Profesyen Undang-undang 1976 dirangka pihak Majlis Peguam telah diminta memberi pandangan mereka terlebih dahulu. Bahkan Majlis Peguam telah diberi masa bertahun-tahun sebelum Rang Undang-undang tersebut disampaikan kepada Peguam Negara untuk dikaji. Semasa Akta Profesyen Undang-undang dibentangkan suasana dialog di antara Peguam Negara dan Majlis Peguam adalah baik lagi mesra. Tetapi di kebelakangan ini suasana dialog di antara kedua-dua belah pihak telah merosot. Ini adalah disebabkan oleh Essential Security Cases (Amendment) Regulations 1975. Saya sangat-sangat berharap dengan perantikan Peguam Negara yang baru suasana dialog di antara Peguam Negara dengan Majlis Peguam akan bertambah baik dan pulih seperti masa-masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Lawyers are not against the Internal Security Act, as normally being reported in the papers or otherwise. The Internal Security Act is a necessary evil for the proper functions of our democratic institutions. However, lawyers have voiced their displeasure as to certain provisions in the

Essential Security Cases (Amendment) Regulations 1975 as they feel it is oppressive and obnoxious to the trial of the accused charged therein.

The Essential Security Cases (Amendment) Regulations 1975 have been in force for nearly 2 years. With the 2 years of experience gained in the implementation of the Regulations, I would urge the Law Minister to consider appointing a Committee consisting of the Attorney-General, the Judiciary such as a Judge and a member of the Bar, to look into the operation of the Essential Security Cases (Amendment) Regulations 1975 to find out whether certain provisions therein are oppressive and obnoxious in the trial of the accused charged therein. Law is not static; it is a growing thing. In the passage of time, the good law is kept and the bad ones are repealed depending on the condition prevailing in the country then. In my own view, it would not be wrong to look into the operation of the Essential Security Cases (Amendment) Regulations 1975 in order to update it.

Inilah pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.25 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat ulasan terhadap Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, gemar saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah yang telah dilantik menjadi Menteri Undang-undang dan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengikuti keadaannya, seorang yang mempunyai sifat bahawa sedikit bercakap, banyak yang dibuat.

Yang kedua, saya fikir suasana yang muram di antara Peguam Negara dengan Majlis Peguam di dalam negeri ini dengan adanya Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang baharu akan dapat menyelesaikan beberapa masalah dan begitu juga harapan yang diberi oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya tadi. Pada permulaan ini barangkali ada rasa tidak puas hati. Jadi dengan keadaan Menteri ini yang selalu mengukir senyum dan menerima apa juga lapisan, saya percaya bahawa permulaan ini akan dapat dipecahkan. Insya

Allah, saya percaya 1,800 orang peguam pegawai dalam negeri ini akan memberikan kerjasamanya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat rakan sejawat saya juga seorang peguam yang baru sebentar bercakap tadi telah menyatakan bahawa pihak Peguam Negara tidak memberikan kerjasama dan tidak memberi peluang ketika Akta ini hendak dijalankan. Saya tidaklah hendak memberi ulasan dalam perkara ini, barangkali Yang Berhormat Menteri akan menjawab, tetapi ini adalah satu perkara yang saya terpaksa sentuh di mana Yang Berhormat itu menyebutkan masalah yang berhubung dengan Akta ini sahaja, sepatutnya mestilah difikirkan juga tentang keadaan negara kita sekarang sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi selain daripada meminta keadilan undang-undang, juga hendak membetulkan profesyen peguam dalam negara ini.

Kita kenalah mengkaji keadaan negara kita pada masa sekarang. Peguam-peguam kita kenalah mengubah pemikirannya yang mementingkan keutuhan negara di samping keutuhan rakyat dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa kegiatan kominis dalam negeri ini berjalan dengan begitu pesat di samping menjalankan gerakan bawah tanah. Mereka telah mendapat senjata. Satu perkara lagi yang saya hendak tambah, bahawa Rang Undang-undang ini disediakan oleh Kerajaan selepas Indo-China jatuh ke tangan kominis, baru kita tengok keadaan di dalam negara kita ini bahawa banyak orang-orang telah mendapat senjata dari mereka dengan tujuan menggunakannya selain daripada merompak mungkin juga anggota-anggota kominis gerakan bawah tanah itu telah mendapat senjata dari tangan mereka.

Satu perkara yang saya fikir mungkin akan terjadi dengan keadaan negara kita ini dikelilingi oleh laut

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 13hb Januari, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.